

# Beradab kepada Nabi Muhammad SAW Surah al-Baqarah (2: 104-110)

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia  
qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2021). *Beradab kepada Nabi Muhammad SAW Surah al-Baqarah (2: 104-110)*. Siri 19. Siri Buku Tafsir Sempena Budaya al-Quran. Johor Bahru: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. ISBN 978-967-2171-87-4.

## Abstract

*Beradab kepada Nabi Muhammad SAW, Surah al-Baqarah (2: 104-110)*, Siri 19 merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Adab berkomunikasi sahabat dan beberapa perkara yang boleh dan tidak para sahabat lakukan terhadap Nabi Muhammad SAW ketika era penurunan wahyu. Namun, *nasikh* dan *mansukh* menjadi perkara penting yang membongkarkan kebenaran Islam dan kesesatan kepercayaan Yahudi dan nasrani. Buku ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 104-110) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat lima aspek pengajaran yang boleh diambil oleh umat Islam dan umat manusia, iaitu adab berkata-kata sahabat dengan Rasulullah SAW, adab tidak meminta dan mempersoalkan hukum hakam yang difardukan oleh Islam, nasakh dan persoalan, larangan menyerupai orang kafir dalam bentuk perbuatan, percakapan, dan amalan, serta ingatan Allah SWT kepada umat Islam terhadap Yahudi berkaitan dengan agama Islam.

## References

Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shu'aib al-Arnut & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.

- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bazzar, Ahmad. 2009. *Musnad al-Bazzar*. Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa'ad, 'Adil, & Sabri al-Shafi'i 'Abd al-Khaliq (Ed.). Jld. 1-18. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Harith, Ibn Abi Usamah. 1992. *Bughyat al-Bahith 'an Zawa'id Musnad al-Harith*. Hussain Ahmad Salih al-Bakiri (Ed.). Al-Madinah al-Munawwarah: Markaz Khidmat al-Sunnah wa al-Sirah al-Nabawiyah.
- Al-Ruyani, Abu Bakr Muhammad. 1995. *Musnad al-Ruyani*. Ayman 'Ali Abu Yamani (Ed.). Jld. 1-2. Al-Qahirah: Mu'assasah Qurtubah.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1994. *Al-Mu'jam al-Kabir*. Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi (Ed.). Jld. 1-25. Al-Qahirah: Maktabah bin al-Taymiyyah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1995. *Al-Mu'jam al-Ausat*. 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasini Tariq bin 'Audullah bin Muhammad (Ed.). Jld. 1-10. Al-Qahirah: Dar al-Harmain.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashar 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn 'Abbas, Abdullah 'Abbas. t.th. *Tanwir al-Mikbas Min Tafsir Ibnu 'Abbas*. Mujd al-Din Abu Tahir Muhammad bin Ya'kub (Ed.). Lubnan: Dar al-Kutub 'Imiyah.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim*. As'ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.

- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Bani Israil dan Ilmu Sihir serta Kisah Harut dan Marut: Surah al-Baqarah (2: 99-103)*. Kertas Kerja dalam Siri 21: Program Budaya al-Quran, 7hb. Mac 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Bani Israil dan Peristiwa Sembelihan Lembu: Surah al-Baqarah (2: 67-74)*. Kertas Kerja dalam Siri 16: Program Budaya al-Quran, 17 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019c. *Beradab kepada Nabi Muhammad SAW: Surah al-Baqarah (2: 104-110)*. Kertas Kerja dalam Siri 22: Program Budaya al-Quran, 28hb Mac 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Bani Israil dan Ilmu Sihir serta kisah Harut dan Marut: Surah al-Baqarah (2: 102-103)*. Jld. 18. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Beradab kepada Nabi Muhammad SAW: Surah al-Baqarah (2: 104-110)*. Jld. 19. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.



**SIRI BUKU TAFSIR  
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

**Siri 19  
Beradab kepada Nabi Muhammad SAW  
Surah *al-Baqarah* (2: 104-110)**

**Kamarul Azmi Jasmi**



**SIRI BUKU TAFSIR  
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

**Siri 19  
Beradab kepada Nabi Muhammad SAW  
Surah *al-Baqarah* (2: 104-110)**

Kamarul Azmi Jasmi

Edisi Pertama Julai 2021  
©KAMARUL AZMI JASMI 2021

Hak cipta terbuka. Dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain dengan memberi kredit rujukan kepada penulis dan Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kamarul Azmi Jasmi

BERADAB KEPADA NABI MUHAMMAD SAW : SURAH AL-BAQARAH  
(2:104-110) / Kamarul Azmi Jasmi.

(SIRI BUKU TAFSIR SEMPENA BUDAYA AL-QURAN ; SIRI 19)

ISBN 978-967-2171-87-4

1. Qur'an. Surat al-Baqarah-Criticism, interpretation, etc.
2. Qur'an-Criticism, interpretation, etc.
3. Qur'an-Translating.
4. Government publications-Malaysia.

I. Judul. II. Siri.

297.1229

Kulit dan Pengatur huruf oleh / *Typeset by*

KAMARUL AZMI JASMI  
Fakulti Tamadun Islam  
UTM, Johor Bahru

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

AKADEMI TAMADUN ISLAM  
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,  
81310 UTM Johor Bahru,  
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

## KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	<i>v</i>
<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
<b>Tafsiran Ayat</b>	<b>3</b>
Surah al-Baqarah (2: 104-105)	3
Surah al-Baqarah (2: 106-107)	13
Surah al-Baqarah (2: 108)	27
Surah al-Baqarah (2: 109-110)	40
<b>Pengajaran Ayat</b>	<b>51</b>
Adab dalam Berkata-kata	51
Adab Tidak Mempersoalkan Hukum pada Era Penurunan Wahyu	54
Nasakh: Definisi serta Jenis dan Contoh	56
Definisi Nasikh dan Mansukh	57
Dalil Pensyariatan Nasikh dan Mansukh serta Rumusan Tafsiran	57
Jenis Nasikh dan Mansukh serta Contoh Pemansukhan	58
Penyingkapan Pembohogan Yahudi Terhadap Pemansukhan Ayat dan Syariat	62
Larangan Menyerupai Orang Kafir	62
Ingatan Allah SWT kepada Umat Islam Tentang Yahudi Berkaitan dengan Islam	63
<b>Rumusan</b>	<b>64</b>
<b>Rujukan</b>	<b>64</b>

<b>Indeks</b>	<b>67</b>
<b>Biodata Penulis</b>	<b>69</b>



## PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabatnya.

Penulis mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana memberikan kekuatan kepada penulis untuk berkongsi pengetahuan daripada pengkajian dan pembacaan dalam bidang tafsir al-Quran. Pengkajian dan penulisan tafsir ini adalah bersempena dengan Program Budaya al-Quran (PBQ) yang dipertanggungjawabkan pada setiap minggu di Kolej Tun Fatimah, Universiti Teknologi Malaysia.

Tulisan ini akan menfokuskan kepada setiap surah dan ayat yang dibaca dan dibincangkan ketika sesi PBQ tersebut dengan melihat kepada beberapa aspek berikut:

- (1) Ayat al-Quran dan terjemahan.
- (2) Pengenalan. Bahagian ini yang menfokuskan latar belakang surah dan ayat sekiranya diperlukan
- (3) Tafsiran ayat.
- (4) Keutamaan surah dan ayat.
- (5) Pengajaran yang boleh diambil daripada surah dan ayat.
- (6) Rumusan.

Semua terjemahan al-Quran yang digunakan dalam buku ini menggunakan terjemahan tafsir Ustaz Abdullah Basmeih (1999) yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan sedikit pengeditan daripada segi bahasa yang lebih terkini.

Manakala tafsiran ayat adalah menggunakan kaedah *tafsir bi al-ma'thur* dengan menjadikan kitab tafsir Ibn al-Kathir (1999) sebagai rujukan tafsir yang utama dan disokong pula dengan beberapa buku

tafsir yang lain yang semuanya bersifat *turath al-Islami*. Pada bahagian tafsir ini juga, penulis juga akan mentakhrijkan semua hadis yang dikeluarkan oleh imam hadis dengan mengikut gaya takhrij hadis yang diketengahkan oleh Imam al-Nawawi (1983, 1998) serta disertakan nombor hadis dan hanya memilih hadis yang pernah dibukukan oleh mana-mana imam hadis sebagai sebahagian daripada huraian tafsir.

Akhir sekali, pada bahagian pengajaran ayat, penulis akan menyimpulkan intipati ayat tentang aspek yang boleh dijadikan pengajaran kepada para pembaca sama ada dalam bentuk pengetahuan, pemahaman, dan pengamalan yang boleh diambil pengajaran dengan menjadikan rujukan yang dibincangkan dalam perbincangan kelebihan ayat dan tafsiran ayat sebagai hujah dan dalil terhadap pengajaran tersebut. Hal ini supaya pengajaran ayat tersebut tidak terkeluar daripada kaedah *tafsir bi al-Ma'thur* yang menjadi teras kepada kaedah penghuraian tafsir ini.

Harapan penulis dengan tulisan ini agar ilmu yang dikaji dan ditulis untuk sesi PBQ itu dapat dipanjangkan kepada masyarakat Melayu Islam di seluruh dunia. Tulisan ini tidak lain adalah untuk dimanfaatkan oleh umat Islam agar segala nasihat dan pesanan Allah SWT yang Maha Esa mampu diamalkan oleh umat Islam dalam kehidupan.

**Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi**

Akademi Tamadun Islam

Universiti Teknologi Malaysia

2019

## PENGENALAN

Selepas Allah SWT menyingkap pembohongan kaum Bani Israel terhadap beberapa perkara yang berkaitan dengan kebenaran Nabi Muhammad SAW dan pengikutnya serta menafikan pembohongan mereka terhadap Nabi Sulaiman AS yang mengajarkan sihir (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2019a, 2021a), Allah SWT menyatakan pula beberapa ayat yang melarang umat Islam mengikuti tindakan dan kelakuan Yahudi yang bertujuan mencerca Nabi Muhammad SAW, memperihalkan tentang ayat nasikh dan mansukh, melarang banyak bertanya sewaktu era pengutusan Nabi Muhammad SAW yang akan kembali memberatkan umat Islam sendiri, serta keiginan orang Yahudi agar umat Islam tersesat daripada ajaran Islam dan al-Quran (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2019c, 2021b). Firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقُولُوا رَاعِنَا وَقُولُوا أَنظِرْنَا  
وَأَسْمِعُوا وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٠٤﴾ مَا يَوَدُّ  
الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَلَا الْمُشْرِكِينَ أَنْ  
يُنزَّلَ عَلَيْكُمْ مِنْ خَيْرٍ مِنْ رَبِّكُمْ وَاللَّهُ يَخْتَصُّ  
بِرَحْمَتِهِ مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿١٠٥﴾ \* مَا  
نَسَخَ مِنْ ءَايَةٍ أَوْ نُنسِهَا نَأْتِ بِخَيْرٍ مِّنْهَا أَوْ مِثْلَهَا أَلَمْ  
تَعْلَمَ أَنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٠٦﴾ أَلَمْ تَعْلَمَ أَنَّ اللَّهَ لَهُ  
مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا لَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ

وَلَا نَصِيرٍ ﴿١١٧﴾ أَمْ تُرِيدُونَ أَنْ تَسْأَلُوا رَسُولَكُمْ كَمَا سَأَلَ  
 مُوسَىٰ مِنْ قَبْلُ <sup>ف</sup> وَمَنْ يَتَّبِدِ الْكُفْرَ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ ضَلَّ سَوَاءَ  
 السَّبِيلِ ﴿١١٨﴾ وَدَّ كَثِيرٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يَرُدُّونَكُمْ مِن  
 بَعْدِ إِيمَانِكُمْ كُفَّارًا حَسَدًا مِّنْ عِنْدِ أَنفُسِهِمْ مِّنْ  
 بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْحَقُّ <sup>ط</sup> فَأَعْفُوا وَاصْفَحُوا حَتَّىٰ يَأْتِيَ اللَّهُ  
 بِأَمْرِهِ <sup>ف</sup> إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١١٩﴾ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ  
 وَآتُوا الزَّكَاةَ <sup>ب</sup> وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ  
 عِنْدَ اللَّهِ <sup>ف</sup> إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١٢٠﴾

Maksud: Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengatakan, “raaina” (ketika kamu berkata-kata dengan Nabi Muhammad), sebaliknya katakanlah, “unzurna”, dan dengarlah kamu (segala perintah dengan sebulat hati menerimanya); dan (ingatlah, bahawa) orang kafir itu akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (104) Orang kafir dari Ahli kitab, dan juga dari orang musyrik, tidak suka kiranya diturunkan kepada kamu sedikit dari kebaikan (atau wahyu) dari Tuhan kamu Padahal Allah berhak menentukan rahmat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah (jualah yang) mempunyai limpah kurnia yang amat besar. (105) Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansukhkan (batalkan), atau yang Kami tinggalkan (atau tangguhkan), Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya, atau yang sebanding dengannya. Tidakkah engkau mengetahui bahawasanya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu? (106) Tidakkah engkau mengetahui bahawa sesungguhnya Allah Yang Menguasai segala alam

*langit dan bumi? Dan tiadalah bagi kamu selain Allah sesiapaupun yang dapat melindungi dan yang dapat memberi pertolongan. (107) Adakah kamu pula hendak meminta dari Rasul kamu sebagaimana diminta dari Nabi Musa (oleh kaumnya) dahulu? Dan sesiapa yang menukar iman dengan mengambil kekufuran, maka sesungguhnya ia sesat dari jalan yang lurus. (108) Banyak antara Ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) suka kalaulah kiranya mereka dapat mengembalikan kamu menjadi kafir setelah kamu beriman, kerana dengki yang timbul dari diri mereka sendiri, sesudah nyata kepada mereka kebenaran (Nabi Muhammad SAW). Oleh itu, maafkanlah dan biarkanlah oleh kamu (akan mereka), sehingga Allah datangkan perintah-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. (109) Dan dirikanlah oleh kamu akan solat dan tunaikanlah zakat dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa Melihat segala yang kamu kerjakan. (110)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 104-110)

Perbincangan tafsiran al-Quran dibahagikan kepada empat kelompok perbincangan, iaitu surah *al-Baqarah* (2: 104-105), surah *al-Baqarah* (2: 106-107), surah *al-Baqarah* (2: 108), dan surah *al-Baqarah* (2: 109-110). Pada bahagian akhir, perbincangan difokuskan kepada pengajaran yang boleh diambil daripada perbincangan tafsiran ayat.

## **TAFSIRAN AYAT**

Pada bahagian tafsiran ini, empat kelompok ayat tafsiran dibahagikan, iaitu surah *al-Baqarah* (2: 104-105), surah *al-Baqarah* (2: 106-107), surah *al-Baqarah* (2: 108), dan surah *al-Baqarah* (2: 109-110).

### **SURAH AL-BAQARAH (2: 104-105)**

Allah SWT membicarakan tentang beberapa adab penting dalam komunikasi antara para sahabat dengan Nabi SAW agar umat Islam

terpelihara daripada mencaci secara tidak sengaja kepada Baginda kerana mengikuti cara percakapan kaum Yahudi terhadap Nabi SAW. Firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقُولُوا رَاعِنَا وَقُولُوا انظُرْنَا  
 وَأَسْمَعُوا وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٠٤﴾ مَا يَوَدُّ  
 الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَلَا الْمُشْرِكِينَ أَنْ  
 يُنَزَّلَ عَلَيْكُمْ مِنْ خَيْرٍ مِنْ رَبِّكُمْ وَاللَّهُ يَخْتَصُّ  
 بِرَحْمَتِهِ مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿١٠٥﴾

Maksud: *Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengatakan, “raaina” (ketika kamu berkata-kata dengan Nabi Muhammad), sebaliknya katakanlah, “unzurna”, dan dengarlah kamu (segala perintah dengan sebulat hati menerimanya); dan (ingatlah, bahawa) orang kafir itu akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (104) Orang kafir dari Ahli kitab, dan juga dari orang musyrik, tidak suka kiranya diturunkan kepada kamu sedikit dari kebaikan (atau wahyu) dari Tuhan kamu Padahal Allah berhak menentukan rahmat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah (jualah yang) mempunyai limpah kurnia yang amat besar. (105)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 104-105)

Berkata, Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/373), melalui ayat ini Allah SWT melarang hamba-Nya yang beriman menyerupai diri dengan orang kafir dalam ucapan dan perbuatan. Hal ini demikian kerana orang Yahudi selalu menggunakan ucapan yang dalamnya terkandung makna sindiran atau cacian yang tersembunyi maksud sebenarnya, iaitu menghina Nabi SAW. Untuk itu apabila mereka hendak menyatakan, “*Isma‘ lana*” (اسْمَعْنَا) yang bermaksud, “Sudilah kiranya anda mendengar (memperhatikan)

kami.” Maka mereka akan berkata, “*ra’ina*” (رَاعِنَا). Perkataan ini terkandung makna sindiran dengan kata-kata yang bererti kebodohan. Perkataan ini diambil dari akar kata *al-Ru’unah* (الرُّعُونَةُ), seperti yang disebutkan dalam firman-Nya:

مِّنَ الَّذِينَ هَادُوا يُحَرِّفُونَ الْكَلِمَ عَن مَّوَاضِعِهَا وَيَقُولُونَ سَمِعْنَا  
وَعَصَيْنَا وَأَسْمَعُ غَيْرَ مُسْمِعٍ وَرَاعِنَا لَيًّا بِأَلْسِنَتِهِمْ وَطَعْنًا فِي  
الدِّينِ وَلَوْ أَنَّهُمْ قَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَأَسْمَعُ وَأَنْظُرْنَا لَكَانَ خَيْرًا  
لَّهُمْ وَأَقْوَمَ وَلَٰكِن لَّعَنَهُمُ اللَّهُ بِكُفْرِهِمْ فَلَا يُؤْمِنُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٤٦﴾

Maksud: Antara orang Yahudi ada yang mengubah (atau menukar ganti) Kalamullah (isi Kitab Taurat), dari tempat dan maksudnya yang sebenar, dan berkata (kepada Nabi Muhammad), “Kami dengar.” (Sedang mereka berkata dalam hati), “Kami tidak akan menurut.” (Mereka juga berkata), “Tolonglah dengar, tuan tidak diperdengarkan sesuatu yang buruk.” Serta (mereka mengatakan), “*Ra’ina*” (Tujuan kata-kata mereka yang tersebut) hanya memutar belikan perkataan mereka dan mencela agama Islam. Dan kalaulah mereka berkata, “Kami dengar dan kami taat, dan dengarlah serta berilah perhatian kepada kami,” tentulah yang demikian itu lebih baik bagi mereka dan lebih betul. Akan tetapi Allah melaknat mereka dengan sebab kekufuran mereka. Oleh itu, mereka tidak beriman kecuali sedikit sahaja (di antara mereka). (46)

(Surah *al-Nisa*, 4: 46)

Demikian pula disebutkan oleh hadis yang menceritakan bahawa mereka itu (orang Yahudi) apabila mengucapkan salam, sesungguhnya yang mereka ucapkan hanya bererti *al-Samu 'alaikum* (السَّلَامُ عَلَيْكُمْ), sedangkan makna

*al-Samu* (السَّامُ) ialah kebinasaan atau kematian. Hadis tersebut adalah seperti berikut (Al-Bukhari, 2001: 6024, 6401; Muslim, t.th.: 2165):

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ: «اسْتَأْذَنَ رَهْطٌ مِنَ الْيَهُودِ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا: «السَّامُ عَلَيْكُمْ.» فَقَالَتْ عَائِشَةُ: «بَلْ عَلَيْكُمْ السَّامُ وَاللَّعْنَةُ.» فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «يَا عَائِشَةُ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الرَّفْقَ فِي الْأَمْرِ كُلِّهِ.» قَالَتْ: «أَلَمْ تَسْمَعْ مَا قَالُوا؟» قَالَ: «قَدْ قُلْتُ وَعَلَيْكُمْ.»

Maksud: 'A'ishah RA berkata, "Serombongan orang Yahudi minta izin untuk bertemu dengan Rasulullah SAW, lalu mereka mengucapkan, "Al-Samu 'alaykum [السام عليكم], iaitu, "kematian bagimu." 'A'ishah RA menjawab, "Bal 'alaykum al-sam wa al-la'nah (بَلْ عَلَيْكُمُ السَّامُ وَاللَّعْنَةُ)." Maka Rasulullah SAW bersabda, "Ya 'A'ishah! Sesungguhnya Allah suka kepada sifat ramah-tama dalam segala urusan. 'A'ishah berkata, "Tidakkah engkau mendengar ucapan mereka? Jawab Baginda SAW, "Ya! Aku mendengarnya, oleh kerana itu aku menjawab, 'Wa'alaikum (وَ عَلَيْكُمْ), iaitu juga kepada kamu (kematian)."

(Al-Bukhari dan Muslim)

Oleh kerana itu, bila menjawab salam mereka, umat Islam diperintahkan menggunakan kata-kata *wa 'alaikum* (وَ عَلَيْكُمْ) tanpa disebutkan perkataan keji atau perkataan buruk. Agar kata-kata buruk tidak merosakkan diri seseorang. Hal ini kerana sesungguhnya apa yang diperkenankan oleh Allah SWT hanyalah buat umat Islam untuk kebinasaan mereka, sedangkan dari mereka yang ditujukan kepada umat Islam tidak diperkenankan.

Tujuan ayat ini ialah Allah SWT melarang para Mukmin menyerupai orang kafir dalam ucapan dan perbuatannya. Untuk itu Allah SWT berfirman:



يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقُولُوا رَاعِنَا وَقُولُوا أَنْظِرْنَا  
وَأَسْمِعُوا وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٠٤﴾

Maksud: *Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengatakan, "raina" (ketika kamu berkata-kata dengan Nabi Muhammad), sebaliknya katakanlah, "unzurna", dan dengarlah kamu (segala perintah dengan sebulat hati menerimanya) dan (ingatlah, bahawa) orang kafir itu akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (104)*

(Surah al-Baqarah, 2: 104)

Tegahan agar tidak menyerupai orang Yahudi daripada segi rupa dan perkataan sebagaimana juga yang terdapat dalam satu hadis sebagaimana berikut (Ahmad, 2001: 5115):

عَنِ ابْنِ عُمَرَ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «بُعِثْتُ بَيْنَ  
يَدَيِ السَّاعَةِ بِالسَّيْفِ، حَتَّى يُعْبَدَ اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ.  
وَجُعِلَ رِزْقِي تَحْتَ ظِلِّ رُمْحِي، وَجُعِلَتِ الدَّلَّةُ وَالصَّغَارُ عَلَى  
مَنْ خَالَفَ أَمْرِي، وَمَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ».

Maksud: *Ibn Umar RA yang menceritakan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda, "Aku diutus sebelum hari kiamat dengan membawa pedang hingga hanya Allah SWT semata-mata yang disembah, tiada sekutu bagi-Nya; dan rezekiku dijadikan di bawah naungan tombakku, serta kenistaan dan kebinaan dijadikan bagi orang yang menentang perintahku. Barang siapa yang menyerupai suatu kaum, maka dia termasuk dari golongan mereka.*

(Ahmad)

Hadis ini mempunyai maksud yang sama dengan hadis yang lain, iaitu apa yang diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud (2009: 4031):

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «مَنْ تَشَبَهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ.»

Maksud: *Ibn 'Umar RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Barang siapa yang menyerupai suatu kaum, maka dia termasuk golongan mereka."*

(Abu Dawud)

Dalam hadis ini terkandung larangan, peringatan, dan ancaman yang keras daripada meniru-niru orang kafir dalam ucapan, perbuatan, pakaian, hari-hari raya, ibadah mereka, serta perkara lainnya yang tidak disyariatkan kepada umat Islam dan perkara yang Islam tidak mengakuinya. Imam Ibn Abi Hatim (1998: 3891) menyatakan daripada Ibn Ma'an dan 'Aun atau salah seorang dari keduanya:

أَنَّ رَجُلًا، أَتَى عَبْدَ اللَّهِ بْنَ مَسْعُودٍ فَقَالَ: اعْهَدْ إِلَيَّ، فَقَالَ: «إِذَا سَمِعْتَ اللَّهَ تَعَالَى يَقُولُ: (يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا) فَأَرْعَهَا سَمْعَكَ، فَإِنَّهُ خَيْرٌ يَأْمُرُ بِهِ، أَوْ شَرٌّ يَنْهَى عَنْهُ.»

Maksud: *Seorang lelaki datang kepada Abdullah bin Mas'ud, lalu lelaki itu berkata, "Berilah aku pelajaran." Ibn Mas'ud menjawab, "Apabila kamu mendengar Allah SWT berfirman, "Hai orang yang beriman," maka bukalah seluas-luasnya telingamu (perhatikanlah) kerana sesungguhnya hal itu merupakan kebaikan yang diperintahkan atau kejahatan yang dilarang."*

(Ibn Abi Hatim)

Al-A‘masy meriwayatkan dari Khaythamah yang pernah berkata, “Apa yang kamu baca dalam al-Quran yang bunyinya menyatakan, “*Hai orang yang beriman*” maka sesungguhnya hal itu dalam kitab Taurat disebutkan, “*Hai orang miskin.*” Muhammad Ibn Ishaq meriwayatkan menceritakan daripada Ibn ‘Abbas sehubungan dengan makna kalimat *ra‘ina* (رَاعِنًا). Ia menyatakan, ertinya ialah “*perhatikanlah kami dengan pendengaranmu.*”

Al-Dahhak meriwayatkan daripada Ibn ‘Abbas sehubungan dengan takwil firman Allah SWT yang bermaksud, “Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengatakan, “*ra‘ina*” (Surah *al-Baqarah*, 2: 104). Pada mulanya mereka menyatakan kepada Nabi SAW, “Bukalah pendengaranmu luas-luas untuk kami.” Sesungguhnya ucapan *ra‘ina* ini sama dengan ucapanmu, ‘*atina* (عَاطِنًا).” Kenyataan ini sama seperti apa yang diriwayatkan oleh Abu al-‘Aliyah dan Abu Malik serta al-Rabi‘ Ibn Anas, Atiyyah al-Awfi dan Qatadah (Ibn Abi Hatim, 1998: 1038). Sedangkan Mujahid menyatakan bahawa makna *la taqulu ra‘ina* (لَا تَقُولُوا رَاعِنًا) ialah “*janganlah kamu menyatakan hal yang bertentangan.*” Menurut riwayat lain disebutkan, “*Janganlah kamu katakan, “Perhatikanlah kami, maka kami akan memperhatikanmu.*” Seterusnya ‘Ata’ menyatakan bahawa *ra‘ina* adalah suatu dialek dalam kalangan orang Ansar, maka Allah SWT melarang dialek tersebut.

Al-Hasan pula menyatakan bahawa ucapan *ra‘ina* ialah kata ejekan sebagai yang terdapat dalam perkataan *al-Ra‘in min al-qawli* (الرَّاعِنُ مِنَ الْقَوْلِ) ertinya kata-kata yang digunakan untuk tujuan kejian. Allah SWT melarang memperolok-olok ucapan Nabi SAW dan seruan baginda yang mengajak mereka masuk Islam. Hal yang sama diriwayatkan pula dari Ibn Juraij bahawa dia menyatakan perkara yang sama.

Bagi Abu Sakhr yang menyatakan tafsiran firman Allah SWT yang bermaksud, “Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengatakan, “*raaina*” (ketika kamu berkata-kata dengan Nabi Muhammad), sebaliknya katakanlah, “*unzurma*”, dan dengarlah kamu (segala perintah dengan sebulat hati menerimanya)” (Surah *al-Baqarah*, 2: 104) bahawa pada mulanya apabila ada seseorang dalam kalangan orang Mukmin mempunyai

suatu hajat kepada Nabi SAW, sedangkan Nabi SAW beranjak pergi dari mereka kerana ada urusan, maka mereka memanggilnya dengan ucapan, “*Sudilah kiranya engkau memperhatikan kami.*” Hal ini dirasakan sebagai sesuatu yang kurang beradab untuk Rasulullah SAW apabila ditunjukkan oleh seseorang kepada diri baginda SAW.

Sedangkan al-Suddi menyatakan, seorang lelaki dalam kalangan orang Yahudi Bani Qainuqa’ yang dikenal dengan nama Rifa’ah Ibn Zayd sering datang kepada Nabi SAW. Apabila Rifa’ah bersua dengannya, lalu mereka berbincang-bincang. Rifa’ah menyatakan:

أُرْعِنِي سَمْعَكَ وَأَسْمَعْ غَيْرَ مُسْمَعٍ.

Maksud: *Dengarkanlah aku, semoga engkau tidak mendengar apa-apa.*

Perkataan ini merupakan perkataan daripada dialeknya sedangkan kaum Muslimin menyangka bahawa para nabi terdahulu dihormati dengan ucapan tersebut. Maka salah seorang kaum Muslimin meniru dengan perkataan yang sama ini untuk baginda SAW dengan katanya:

اسْمَعْ غَيْرَ مُسْمَعٍ غَيْرَ صَاغِرٍ

Maksud: *Dengarkanlah, semoga engkau tidak mendengar, semoga engkau tidak berkecil hati.*

Kalimat inilah yang disebutkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

مِّنَ الَّذِينَ هَادُوا يُحَرِّفُونَ الْكَلِمَ عَن مَّوَاضِعِهَا وَيَقُولُونَ سَمِعْنَا  
وَعَصَيْنَا أَسْمَعْ غَيْرَ مُسْمَعٍ وَرَاعِنَا لِيَكُونَ لِالَّذِينَ كَفَرُوا فِي الدِّينِ

Maksud: *Antara orang Yahudi ada yang mengubah (atau menukar ganti) Kalamullah (isi Kitab Taurat), dari tempat dan maksudnya yang sebenar, dan berkata (kepada Nabi Muhammad), "Kami dengar," (sedang mereka berkata dalam hati), "Kami tidak akan menurut". (Mereka juga berkata), "Tolonglah dengar, tuan tidak diperdengarkan sesuatu yang buruk", serta (mereka mengatakan), "Raa'eina"; (Tujuan kata-kata mereka yang tersebut) hanya memutar belitkan perkataan mereka dan mencela agama Islam.*

(Surah *al-Nisa'*, 4: 46)

Maka Allah SWT memerintahkan kepada para Mukmin agar mereka jangan mengucapkan perkataan "*ra'ina*" kepada Nabi SAW.

Imam Ibn Jarir (2001: 2/377) menyatakan, pendapat yang benar menurut kami sehubungan dengan masalah ini ialah Allah SWT melarang para Mukmin menyatakan kepada Nabi-Nya ucapan *ra'ina* kerana kalimat ini tidak disukai oleh Allah SWT bila mereka tujukan kepada Nabi-Nya. Pengertian ayat ini sama dengan makna yang terkandung dalam hadis Nabi SAW berikut (Muslim, t.th.: 2284):

عَنْ عَلْقَمَةَ بْنِ وَاِئِلٍ، عَنْ أَبِيهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «لَا تَقُولُوا: «الْكِرْمُ»، وَلَكِنْ قُولُوا «الْحَبْلَةُ» يَعْنِي الْعَنْبَ.»

Maksud: *'Al-Qamah bin Wa'il daripada bapanya menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda, "Janganlah kamu sebutkan buah anggur dengan nama al-Karam, melainkan sebutlah al-Habalah."*

(Muslim)

Seterusnya, Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/375) menyambung perbincangan tafsiran dalam firman Allah SWT berikut pula:

مَا يُودُّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَلَا الْمُشْرِكِينَ  
 أَنْ يُنَزَّلَ عَلَيْكُمْ مِنْ خَيْرٍ مِنْ رَبِّكُمْ وَاللَّهُ يَخْتَصُّ  
 بِرَحْمَتِهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿١٠٥﴾

Maksud: Orang kafir dari Ahli kitab, dan juga dari orang musyrik, tidak suka kiranya diturunkan kepada kamu sedikit dari kebaikan (atau wahyu) dari Tuhan kamu Padahal Allah berhak menentukan rahmat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah (jualah yang) mempunyai limpah kurnia yang amat besar. (105)

(Surah al-Baqarah, 2: 105)

Melalui riwayat ini Allah SWT menjelaskan kepada Nabi-Nya tentang permusuhan orang kafir dalam kalangan ahli kitab dan orang musyrik yang sangat keras terhadap diri Nabi SAW. Mereka adalah orang yang para Mukmin diperingatkan oleh Allah SWT agar jangan menyerupai mereka, sehingga terputuslah hubungan intim antara para Mukmin dan orang kafir. Kemudian Allah SWT mengingatkan para Mukmin akan nikmat yang dilimpahkan oleh-Nya kepada mereka berupa syariat yang sempurna yang diturunkan kepada nabi mereka, iaitu Nabi Muhammad SAW Hal ini diungkapkan oleh Allah SWT melalui firman-Nya:

وَاللَّهُ يَخْتَصُّ بِرَحْمَتِهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ  
 الْعَظِيمِ ﴿١٠٥﴾

Maksud: Padahal Allah berhak menentukan rahmat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah (jualah yang) mempunyai limpah kurnia yang amat besar. (105)

(Surah al-Baqarah, 2: 105)

Oleh itu, mereka para Mukmin wajar mensyukuri nikmat yang dianugerahkan kepada mereka sehingga mereka menjadi satu umat yang dihormati hasil daripada keberkatan syariat yang diturunkan itu.

## SURAH AL-BAQARAH (2: 106-107)

Allah SWT seterusnya membicarakan tentang ayat al-Quran yang diturunkan kepada baginda SAW buat umatnya. Terdapat ayat yang diturunkan ini yang dimansuhkan sama ada pada bacaan dan makna atau pada bacaan sahaja. Firman-Nya:

مَا نَنْسَخْ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسِهَا نَأْتِ بِخَيْرٍ مِّنْهَا أَوْ مِثْلَهَا أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا لَكُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٠٧﴾

Maksud: *Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansuhkan (batalkan), atau yang Kami tinggalkan (atau tangguhkan), Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya, atau yang sebanding dengannya. Tidakkah engkau mengetahui bahawasanya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu? (106) Tidakkah engkau mengetahui bahawa sesungguhnya Allah Yang Menguasai segala alam langit dan bumi? Dan tiadalah bagi kamu selain Allah sesiapaupun yang dapat melindungi dan yang dapat memberi pertolongan. (107)*

(Surah al-Baqarah, 2: 106-107)

Berkata Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/375), maksud ayat “*Ma nansakh min ayat*” dalam kalangan ahli tafsir sahabat dan tabiin, serta ulama tafsir adalah seperti berikut:

- (1) Imam Ibn ‘Abbas (t.th.: 1/16): *Ayat apa pun yang Kami ganti.*
- (2) Imam Mujahid, murid Abdullah bin Mas‘ud RA, Abu al-‘Aliyah, dan Muhammad bin Ka‘ab al-Qurazi: *Ayat apa pun yang Kami tetapkan tulisannya sedangkan hukumnya Kami ganti.*
- (3) Al-Dahhak: *Apa saja yang Kami buat engkau lupa padanya.*
- (4) ‘Ata’: *Apa saja dari al-Quran yang Kami tinggalkan.*
- (5) Abu Hatim: *Apa pun yang ditinggalkan oleh Allah SWT dan tidak diturunkan kepada Muhammad SAW.*
- (6) Al-Suddi: *Makna ma nansakh ialah ayat apa pun yang dicabut oleh Allah SWT.*
- (7) Imam Ibn Jarir (2001: 2/388): *Hukum ayat apa saja yang Kami pindahkan ke yang lainnya dan Kami ubah serta Kami ganti hukumnya. Misalnya, Kami ganti halal menjadi haram, haram menjadi halal, mubah menjadi dilarang, dan dilarang menjadi mubah (boleh). Hal ini hanya terjadi dalam masalah perintah, larangan, cegahan, mutlak, larangan dan keharusan. Manakala perkara yang menyangkut masalah berita dan kisah, tiada nasikh dan mansukh padanya.*

Menurut Ibn Abi Hatim (1998: 1057), pandangan al-Suddi yang membawa maksud dicabut dan diangkat oleh Allah SWT adalah sebagaimana keterangan dalam hadis berikut (Ibn Majah, 2009: 2553):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: «قَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ: «لَقَدْ خَشِيتُ  
 أَنْ يَطُولَ بِالنَّاسِ زَمَانٌ حَتَّى يَقُولَ قَائِلٌ: «مَا أَجِدُ الرَّجْمَ فِي  
 كِتَابِ اللَّهِ، فَيَضِلُّوا بِتَرْكِ فَرِيضَةِ مِنَ فَرَائِضِ اللَّهِ، أَلَا وَإِنَّ  
 الرَّجْمَ حَقٌّ، إِذَا أَحْصِنَ الرَّجُلُ وَقَامَتِ الْبَيْتَةُ، أَوْ كَانَ حَمْلٌ



أَوْ اعْتِرَافٍ، وَقَدْ قَرَأْتُهَا الشَّيْخُ وَالشَّيْخَةُ إِذَا زَنِيَا فَارْجُوهُمَا  
الْبَتَّةَ «رَجَمَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ وَرَجَمْنَا بَعْدَهُ».

Maksud: Ibnu 'Abbas RA berkata, "Umar bin Khattab berkata, "Aku khawatir setelah lama masa berlalu, hingga seseorang berkata, "Tidak aku temukan hukum rejam dalam kitab Allah (al-Quran), hingga mereka akan sesat kerana meninggalkan salah satu dari syariat Allah. Ingatlah! Sesungguhnya hukum rejam benar adanya. Apabila terjadi zina lalu ada saksi atau wanita yang bersangkutan hamil, atau ada pengakuan, maka aku membaca, "Laki-laki dan wanita dewasa apabila keduanya berzina, maka benar-benar rajamlah mereka." Rasulullah SAW melakukan hukum rejam dan kamipun melaksanakannya sepeninggal baginda."

(Ibn Majah)

Juga terhadap hadis berikut (Al-Bukhari, 2001: 6436; Muslim, t.th.: 1048):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «لَوْ كَانَ لابْنِ آدَمَ  
وَادِيَانِ مِنْ مَالٍ لَابْتَغَى وَادِيَا ثَالِثًا، وَلَا يَمْلَأُ جَوْفَ ابْنِ آدَمَ  
إِلَّا التُّرَابُ، وَيَتُوبُ اللَّهُ عَلَى مَنْ تَابَ».

Maksud: Anas bin Malik menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Sekiranya anak Adam memiliki sebukit emas, nescaya ia akan mengharapka dua bukit emas lagi, dan tidaklah mulutnya dipenuhi melainkan dengan tanah, dan Allah akan menerima taubat siapa yang bertaubat."

(Al-Bukhari dan Muslim)

Berkata Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/375), perkataan *nasakh* (النَّسْخ) berasal dari *naskh al-kitab* (نَسَخَ الْكِتَابِ), iaitu menukilkannya dari suatu salinan ke salinan yang lain. Demikian pula makna *menasakhkan* hukum ke hukum yang lainnya dan makna yang dimaksudkan ialah memindahkan hukumnya dan menukil suatu ibarat ke ibarat yang lainnya, iaitu merevisinya, iaitu tanpa membezakan apakah yang *dinasakh* itu hukumnya atau tulisannya kerana kedua-dua keadaan tersebut tetap dinamakan *nasakh*.

Sehubungan dengan definisi *nasakh* ini, maka ulama ahli Usul berbeza-beza dalam mengungkapkannya. Akan tetapi kesimpulan dari semua pendapat mereka tidak jauh berbeza. Hal ini kerana makna *nasakh* menurut istilah syarak sudah dimaklumi dalam kalangan ulama. Sebahagian dari mereka menyatakan bahawa *nasakh* ertinya menghapuskan suatu hukum dengan dalil syarak yang datang kemudian. Termasuk ke dalam pengertian definisi ini ialah *menasakh* hukum yang ringan dengan hukum yang berat dan sebaliknya. Selain itu, *nasakh* juga ada yang tidak ada gantinya. Perbincangan terperinci mengenai hukum *nasakh*, jenis, serta syaratnya dibahas dalam kitab Usul Fiqh. Satu hadis menjelaskan (Al-Tabrani, 1994: 13141; 1995: 4637):

عَنْ سَالِمٍ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: «قَرَأَ رَجُلَانِ مِنَ الْأَنْصَارِ سُورَةَ،  
 أَقْرَأَهُمَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ، فَكَانَا يَقْرَأَنِ بِهَا، فَقَامَا ذَاتَ لَيْلَةٍ  
 يُصَلِّيَانِ بِهَا، فَلَمْ يَقْدِرَا مِنْهَا عَلَى حَرْفٍ، فَأَصْبَحَا غَادِيَيْنِ  
 عَلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ، فَذَكَرَا لَهُ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنَّهَا  
 مِمَّا نُسِخَ وَأُنْسِيَ، فَالْهُوَ عَنْهَا» فَكَانَ الزُّهْرِيُّ، يَقْرَأُ: « (مَا  
 نَسَخَ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُسِيَهَا) [البقرة: ١٠٦:٢].»

Maksud: *Salim dari ayahnya menceritakan bahawa ada dua orang lelaki membaca suatu surat yang pernah diajarkan oleh Rasulullah SAW kepada kedua-duanya, dan kedua-dua lelaki itu selalu membaca surat tersebut dengan bacaan itu. Maka pada suatu malam kedua-duanya berdiri mengerjakan solat, tetapi keduanya tidak mampu membaca surat tersebut barang satu hurufpun. Lalu pada pagi harinya kedua-duanya datang menghadap Rasulullah SAW dan menceritakan hal tersebut. Maka Rasulullah SAW bersabda, “Sesungguhnya surat itu termasuk surat yang dinasakh atau aku dijadikan lupa kepadanya. Oleh kerana itu, lupakanlah ia. Al-Zuhri membacanya:*

مَا نَنْسَخُ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسِهَا

*Erti: Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansuhkan (batalkan), atau yang Kami tinggalkan (atau tanggalkan)*

(Al-Tabrani)

Berdasarkan hadis, maka firman Allah SWT, “*aw nunsiha*” (أَوْ نُنسِهَا), iaitu bererti kami jadikan manusia lupa kepadanya. Dua kalimah ini boleh dibaca dengan dua jenis bacaan, iaitu *nansa’aha* (نَنْسَأُهَا) dan *nunsiha* (نُنْسِهَا). Orang yang membaca *nansa’uha* ertinya Kami menanggukannya. Oleh kerana itu, Ibn ‘Abbas menafsirkan firman Allah SWT berikut:

مَا نَنْسَخُ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسِهَا

Maksud: *Apa saja ayat yang Kami ganti atau yang Kami tinggalkan tanpa menggantinya.*

(Surah al-Baqarah, 106)

Tafsiran “*aw nunsiha*” (أَوْ نُنْسِهَا) dalam kalangan para sahabat, tabiün, dan ulama tafsir adalah seperti berikut:

- (1) Mujahid dan dari murid Ibn Mas‘ud RA: Kami tetapkan tulisannya, sedangkan hukumnya Kami ganti.
- (2) ‘Ubayd bin ‘Umayr, Mujahid, ‘Ata’, Abu al-‘Aliyah, dan Ibn ‘Abbas: Kami akhirkkan dan Kami tangguhkan hukumnya.
- (3) Atiyah al-Aufi, al-Suddi dan al-Rabi‘ bin Anas: Kami akhirkkan hukumnya, tetapi tidak Kami *nasakh*kan.
- (4) Al-Dahhak: Ayat ini menerangkan bahawa antara ayat al-Quran itu ada yang nasikh dan ada yang mansukh, iaitu ada yang merevisi dan ada yang direvisi.
- (5) Qatadah: Allah SWT menjadikan Nabi-Nya lupa kepada apa yang dikehendaki-Nya, dan Dia *menasakh* apa yang dikehendaki-Nya dari ayat tersebut.
- (6) ‘Awf bin al-Hasan: Sesungguhnya Nabi kamu membaca suatu ayat al-Quran, kemudian baginda dijadikan berada dalam keadaan lupa oleh Allah SWT.
- (7) Ubaid bin Umair: Kami menghapuskan hukumnya dari kamu.  
 Imam Ibn Abi Hatim (1998: 1058) kemudian berhujah dengan memetik kata-kata Ibn ‘Abbas berikut:

كَانَ مِمَّا يُنَزَّلُ عَلَى النَّبِيِّ ﷺ الْوَحْيُ بِاللَّيْلِ وَيُنْسَاهُ بِالنَّهَارِ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ:  
 (مَا نَنْسَخُ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسِهَا نَأْتِ بِخَيْرٍ مِنْهَا أَوْ مِثْلَهَا).

Maksud: *Antara wahyu yang diturunkan oleh Nabi SAW adalah wahyu yang diturunkan pada malam hari, dan pada siang harinya baginda lupa. Maka Allah SWT menurunkan firman-Nya, “Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansukhkan (batalkan), atau yang Kami tinggalkan (atau tangguhkan), Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya, atau yang sebanding dengannya. (Surah al-Baqarah, 2: 106).*

(Ibn Abi Hatim)

Imam Ibn Jarir (2001: 1757) menyatakan satu athar:

عَنِ الْقَاسِمِ بْنِ رَبِيعَةَ قَالَ: «سَمِعْتُ سَعْدَ بْنَ أَبِي وَقَّاصٍ يَقْرَأُ: «مَا نَنْسَخُ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسَخُهَا». قَالَ: قُلْتُ لَهُ: «فَإِنَّ سَعِيدَ بْنَ الْمُسَيَّبِ يَقْرَأُ: «أَوْ تُنْسَاهَا». قَالَ: فَقَالَ سَعْدٌ: «إِنَّ الْقُرْآنَ لَمْ يَنْزَلْ عَلَى الْمُسَيَّبِ وَلَا عَلَى آلِ الْمُسَيَّبِ». قَالَ اللَّهُ، جَلَّ ثَنَاؤُهُ: (سَنُقْرِئُكَ فَلَا تَنْسَى) [الْأَعْلَى: 6] (وَإِذْ كُرِّرْنَاكَ إِذَا نَسِيتَ) [الْكَهْفِ: 24].

Maksud: *Al-Qasim bin Rabi'ah* yang menceritakan bahawa beliau pernah mendengar *Sa'ad bin Abu Waqqas* membacakan ayat ini seperti berikut, (مَا نَنْسَخُ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسَخُهَا) yang bermaksud, "Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansuhkan (batalkan), atau yang Kami lupakan (Surah al-Baqarah, 2: 106), iaitu dengan bacaan 'tansaha' (تُنْسَاهَا). Maka ia berkata kepada *Sa'ad bin Abu Waqqas* bahawa sesungguhnya *Sa'id bin al-Musayyab* membacanya dengan bacaan aw tansa'uha (أَوْ تُنْسَاهَا). Maka *Sa'd bin Abu Waqqas* menjawab, "Sesungguhnya *al-Quran* itu tidak diturunkan kepada *al-Musayyab*, juga tidak kepada keluarga *al-Musayyab*." Selanjutnya *Sa'ad bin Abu Waqqas* membacakan firman-Nya: (سَنُقْرِئُكَ فَلَا تَنْسَى) yang bermaksud, "Kami sentiasa menjadikan engkau (wahai Muhammad) dapat membaca (*al-Quran* yang diturunkan kepadamu - dengan perantaraan jibril), sehingga engkau (menghafaznya dan) tidak lupa, (6) (Surah al-A'la, 87: 6). Dan membaca firman-Nya: (وَإِذْ كُرِّرْنَاكَ إِذَا نَسِيتَ) yang bermaksud, "Dan ingatlah serta sebutlah akan Tuhanmu jika engkau lupa. (Surah al-Kahfi, 18: 24).

(*Ibn Jarir*)

Imam *Ibn Abi Hatim* (1998: 11/66) membawakan satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam (*Ahmad*, 2001: 21085):

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: قَالَ عُمَرُ: «عَلِيٌّ أَفْضَاْنَا، وَأَبِيٌّ أَفْرُوْنَا، وَإِنَّا لَنَدَعُ مِنْ قَوْلِ أَبِيٍّ.» وَأَبِيٌّ يَقُولُ: «أَخَذْتُ مِنْ فَمِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فَلَا أَدْعُهُ.» وَاللَّهُ يَقُولُ: (مَا نَنْسَخُ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسِهَا) [البقرة: ١٠٦:٢].»

Maksud: *Ibn 'Abbas berkata, "Umar RA pernah menyatakan, "Orang yang paling adil antara kami dan Ubay ialah orang yang paling ahli qiraat, tetapi sesungguhnya kami benar-benar meninggalkan sebahagian dari perkataan Ubay. Demikian itu kerana Ubay pernah menyatakan bahawa ia tidak akan meninggalkan sesuatu pun yang pernah ia dengar dari Rasulullah SAW." Padahal Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansukhkan (batalkan), atau yang Kami tinggalkan (atau tangguhkan). (Surah al-Baqarah, 2: 106).*

(Ahmad)

Hadis ini diperkukuhkan pula dengan satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam (Al-Bukhari, 2001: 4481):

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: قَالَ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: «أَفْرُوْنَا أَبِيٍّ، وَأَفْضَاْنَا عَلِيٍّ، وَإِنَّا لَنَدَعُ مِنْ قَوْلِ أَبِيٍّ، وَذَلِكَ أَنَّ أَبِيًّا يَقُولُ: «لَا أَدْعُ شَيْئًا سَمِعْتُهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.» وَقَدْ قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: (مَا نَنْسَخُ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسِهَا) [البقرة: ١٠٦:٢].»

Maksud: *Ibn 'Abbas berkata, "Sababat Umar pernah menyatakan, "Orang yang paling ahli qiraat antara kami adalah Ubay, sedangkan orang yang paling ahli dalam masalah peradilan antara kami adalah Ali. Tetapi sesungguhnya kami benar-benar meninggalkan sebahagian dari perkataan Ubay. Demikian itu kerana dia pernah menyatakan bahawa dia tidak akan meninggalkan sesuatu pun dari apa yang pernah dia dengar dari Rasulullah SAW Padahal Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansukhkan (batalkan), atau yang Kami tinggalkan (atau tanggubkan). (Surah al-Baqarah, 2: 106).*

(Al-Bukhari)

Seterusnya Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/378) melanjutkan perbincangan tafsiran firman Allah SWT berikut:

نَأْتِ بِخَيْرٍ مِّنْهَا أَوْ مِثْلَهَا

Maksud: *Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya, atau yang sebanding dengannya.*

(Surah al-Baqarah, 2: 106)

Ayat ini membawa maksud yang pelbagai dalam kalangan ulama tafsir daripada sahabah dan tabiin, iaitu:

- (1) Ibn 'Abbas: Lebih baik manfaatnya buat kamu dan lebih ringan bagi kamu.
- (2) Abu al-'Aliyah: Kami akan mendatangkannya atau Kami datangkan yang sebanding dengannya.
- (3) Al-Saddi: Kami datangkan yang lebih baik daripada apa yang Kami *nasakhkan* itu, atau Kami datangkan yang sebanding dengan apa yang Kami tinggalkan itu.

- (4) Qatadah: Ayat yang dalamnya terkandung keringanan atau rukhsah (kemurahan) atau perintah atau larangan.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/378) menyambung lagi perbincangan tafsiran dalam firman Allah SWT berikut pula:

أَلَمْ تَعْلَمَ أَنَّ اللَّهَ لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا لَكُمْ  
مِّنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ وَّالِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٠٧﴾

Maksud: *Tidakkah engkau mengetahui bahawa sesungguhnya Allah Yang Menguasai segala alam langit dan bumi? Dan tiadalah bagi kamu selain Allah sesiapa-pun yang dapat melindungi dan yang dapat memberi pertolongan. (107)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 107)

Melalui ayat ini, Allah SWT memberi petunjuk kepada hamba-Nya bahawa Dialah yang mengatur semua makhluk menurut apa yang dikehendaki-Nya, Dialah yang menciptakan dan yang memerintah, Dialah yang mengatur, Dialah yang menciptakan mereka menurut apa yang dikehendaki-Nya, Dia membahagiakan dan mencelakakan siapa yang dikehendaki-Nya, Dia menyetatkan dan membuat sakit siapa yang dikehendaki-Nya, Dia memberi taufik siapa yang dikehendaki-Nya, Dia yang menghinakan siapa yang dikehendaki-Nya.

Allah juga yang mengatur hukum hakam kepada para hamba-Nya menurut apa yang dikehendaki-Nya. Untuk itu Dia menghalalkan dan mengharamkan apa yang dikehendaki-Nya, Dia membolehkan dan mengharamkan apa yang dikehendaki-Nya. Dialah yang mengatur hukum menurut apa yang dikehendaki-Nya, tiada yang dapat menolak ketetapan-Nya, dan tiada yang menanyakan apa yang diperbuat-Nya, sedangkan merekalah yang akan dimintai pertanggungjawaban oleh-



Nya. Dia menguji hamba-Nya dan ketaatan mereka kepada rasul-Nya melalui hukum *nasakh*.

Untuk itu, Dia memerintahkan sesuatu kerana dalamnya terkandung kemaslahatan yang hanya Dia sendirilah yang mengetahuinya, kemudian Dia melarangnya kerana suatu penyebab yang hanya Dia sendirilah yang mengetahuinya. Taat yang sesungguhnya ialah mengerjakan apa yang diperintahkan-Nya, mengikuti rasul-Nya dalam membenarkan apa yang diberitakan oleh mereka, dan mengerjakan apa yang diperintahkan mereka serta menjauhi apa yang dilarang oleh mereka.

Dalam ayat ini terkandung makna bantahan yang keras dan penjelasan yang terang kepada kekufuran orang Yahudi dan kepalsuan keraguan mereka yang mempercayai bahawa *nasakh* merupakan hal yang mustahil, baik menurut rasio mereka maupun menurut apa yang didugakan oleh sebahagian dalam kalangan mereka yang bodoh lagi ingkar, atau menurut dalil naqli seperti yang dibuat-buat oleh sebahagian yang lain dalam kalangan mereka untuk mendustakannya.

Imam Ibn Jarir (2001: 2/403) menyatakan bahawa takwil ayat ini adalah seperti berikut:

*Tidakkah kamu mengetahui, hai Muhammad, bahawa sesungguhnya milik-Ku-lah semua kerajaan langit dan kerajaan bumi serta kekuasaan keduanya, bukan milik selain-Ku. Aku mengatur hukum pada keduanya dan semua yang ada pada keduanya menurut apa yang Aku kehendaki. Dan Aku memerintahkan pada keduanya serta pada semua yang ada pada keduanya menurut apa yang Aku kehendaki. Aku melarang semua yang Aku kehendaki. Aku menasakh dan mengganti sebahagian dari hukum-Ku yang Aku tetapkan terhadap hamba-Ku menurut apa yang aku kehendaki pada ketika Aku menghendakinya. Aku menetapkan pada keduanya semua yang Aku kehendaki.*

Abu Ja'far bin Jarir menyatakan, sekalipun berita ini ditujukan sebagai khitab kepada Nabi SAW oleh Allah SWT sebagai penghormatan dari-Nya buat Nabi SAW, tetapi sekali gus sebagai bantahan yang mendustakan orang Yahudi kerana mereka mengingkari adanya *penasakhan*

kitab Taurat serta ingkar kepada kenabian Nabi Isa AS dan Nabi Muhammad SAW Mereka melakukan demikian kerana kedua-dua Rasul ini datang dengan membawa kitab yang diturunkan dari sisi Allah SWT yang dalamnya terkandung hal yang diturunkan oleh Allah SWT untuk mengubah sebahagian dari hukum hakam Taurat. Maka Allah SWT memberitahukan kepada mereka bahawa milik Dialah semua kerajaan langit dan bumi serta kekuasaan yang ada pada keduanya. Semua makhluk adalah penduduk dari kerajaan-Nya yang harus taat kepada-Nya. Mereka harus patuh dan taat kepada perintah dan larangan-Nya, dan Allah SWT berhak memerintah mereka dengan apa yang dikehendaki-Nya, serta melarang mereka dengan apa yang dikehendaki-Nya. Dia *menasakh* apa yang dikehendaki-Nya dan menetapkan apa yang dikehendaki-Nya. Dia berhak mengadakan apa yang dikehendaki-Nya, baik berupa ketetapan, perintah, ataupun larangan-Nya.

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/379), hal yang mendorong orang Yahudi mengungkit-ungkit masalah nasakh tiada lain hanyalah kekufuran dan keingkaran mereka. Hal ini kerana sesungguhnya menurut rasional akal bahawa tiada sesuatu hal pun yang mencegah adanya *penasakhan* dalam hukum hakam Allah SWT, sebab Dia memutuskan hukum menurut apa yang dikehendaki-Nya, sebagaimana Dia berbuat menurut apa yang dikehendaki-Nya. Padahal masalah *nasakh* itu sesungguhnya terjadi dalam kitab Allah SWT yang terdahulu dan syariat-Nya sebelum al-Quran.

Misalnya dalam syariat Nabi Adam Allah SWT menghalalkan menikahkan anak lelakinya dengan anak perempuannya. Kemudian sesudah populasi manusia bertambah banyak, maka hal tersebut diharamkan. Dalam syariat Nabi Nuh, sesudah dia keluar dari perahunya, maka ia dihalalkan memakan daging semua haiwan; kemudian dimansukh, dan yang dihalalkan hanya sebahagiannya saja.

Pada masa lalu, iaitu dalam syariat Nabi Ya'qub bahawa kaum Bani Israil diperbolehkan menikahi dua orang perempuan yang bersaudara (kakak dan adiknya), kemudian dalam kitab Taurat hal tersebut diharamkan, demikian pula pada syariat sesudahnya. Allah SWT pernah

memerintahkan kepada Nabi Ibrahim AS untuk menyembelih anak laki-laknya, iaitu Nabi Ismail. Kemudian hal itu dimansukh sebelum Nabi Ibrahim AS melakukannya. Allah SWT memerintahkan agar membunuh semua Bani Israil yang pernah menyembah anak lembu, kemudian hukuman tersebut *dinasakh* agar mereka tidak habis kerana dihukum mati. Masih banyak hal lainnya yang sangat panjang kisahnya bila dikemukakan; mereka mengakui adanya *penasakhan* tersebut, tetapi mereka berpaling dan tidak mahu mengakuinya. Bantahan yang mereka kemukakan terhadap dalil tersebut tujuan utamanya ialah untuk mengelak dari kenyataan itu sendiri. Dalam kitab mereka sudah dikenal adanya berita gembira mengenai kedatangan Nabi Muhammad SAW, juga perintah untuk mengikutinya. Kenyataan ini mewajibkan mereka mengikuti Nabi SAW dan bahawa tiada lagi suatu amal pun yang dapat diterima kecuali dengan mengamalkan syariatnya, tanpa memandang kepada suatu pendapat yang menyatakan bahawa sesungguhnya syariat yang terdahulu sudah berakhir sampai dengan masa Nabi SAW diangkat menjadi utusan Allah SWT. Maka hal ini bukan dinamakan *nasakh* kerana berdasarkan kepada firman-Nya yang menyatakan:

ثُمَّ أَتَمُّوا الصِّيَامَ إِلَى اللَّيْلِ

Maksud: *Kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga waktu malam (maghrib).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 187)

Menurut pendapat lainnya apa yang disebut oleh ayat ini bersifat mutlak, dan bahawa syariat Nabi Muhammad SAW *menasakhnya*.

Berdasarkan interpretasi mana pun pada garis besarnya diwajibkan mengikuti syariat Nabi Muhammad SAW, tiada pilihan lain, mengingat dia datang membawa Kitab Allah yang paling akhir dan yang baru diturunkan oleh Allah SWT Melalui ayat surat *al-Baqarah* ini Allah

SWT menjelaskan boleh adanya *nasakh* sebagai bantahan terhadap orang Yahudi Laknatullah ‘Alayh sebagaimana yang Allah SWT berfirman dengan maksud, Tidakkah engkau mengetahui bahawa sesungguhnya Allah Yang Menguasai segala alam langit dan bumi? Dan tiadalah bagi kamu selain Allah sesiapaupun yang dapat melindungi dan yang dapat memberi pertolongan. (Surah *al-Baqarah*, 2: 107). Hal ini kerana semua kerajaan ini adalah milik Allah SWT tanpa ada yang menyainginya, maka Dia berhak mengatur hukum menurut apa yang dikehendakinya. Seperti yang disebutkan dalam ayat lainnya, iaitu firman-Nya:

أَلَا لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ ۗ

Maksud: *Ingatlah, kepada Allah jualah tertentu urusan menciptakan (sekalian makhluk) dan urusan pemerintahan.*

(Surah *al-A'raf*, 7: 54)

Begitu juga ditetapkan dalam surah *Ali Imran* (3: 93) dalam salah satu ayatnya yang menceritakan perihal kaum ahli kitab, bahawa dalamnya terdapat *nasakh*, iaitu pada firman-Nya:

كُلُّ الطَّعَامِ كَانَ حَلَالًا لِّبَنِي إِسْرَائِيلَ إِلَّا مَا حَرَّمَ  
 إِسْرَائِيلَ عَلَىٰ نَفْسِهِ ۗ مِنْ قَبْلِ أَنْ تُنزَّلَ التَّوْرَةُ ۗ قُلْ فَأَتُوا  
 بِالتَّوْرَةِ فَآتَوْهَا ۗ إِنَّ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٩٣﴾

Maksud: *Segala jenis makanan dahulu adalah halal bagi Bani Israil, kecuali makanan yang diharamkan oleh Israil (Nabi Yaakub) kepada dirinya sendiri sebelum diturunkan Kitab Taurat. Katakanlah (wahai Muhammad), “(Jika ada makanan yang diharamkan kepada kamu -*

*wahai Bani Israil - sebelum Kitab Taurat diturunkan) maka bawalah kamu Kitab Taurat itu kemudian bacalah akan dia, kalau betul kamu orang yang benar. (93)*

(Surah Ali 'Imran, 3: 93)

Seluruh kaum Muslimin sepakat bahawa *nasakh* dalam hukum hakam Allah SWT itu ada kerana dalamnya terkandung hikmah yang agung dan mereka semua menyatakan bahawa *nasakh* itu ada.

Akan tetapi, mengenai pendapat Abu Muslim al-Asbahani, iaitu salah seorang ulama tafsir yang menyatakan bahawa tiada suatu *nasakh* pun dalam al-Quran, pendapatnya itu lemah, tidak dapat diterima lagi tidak diendahkan. Hal ini demikian kerana ternyata dia memaksakan diri dalam membantah kenyataan *nasakh* yang ada, antara lain dalam masalah idah empat bulan sepuluh hari yang sebelumnya adalah satu tahun. Dia tidak mengemukakan jawapan yang dapat diterima dalam masalah ini. Juga dalam masalah pengalihan kiblat dari Baitul Maqdis ke Kaabah, dia tidak menjawab sepele kata pun. Masalah lainnya yang dia tidak dapat menjawabnya ialah *dinasakh*-Nya perintah bersabar bagi seorang muslim dalam menghadapi sepuluh orang musyrik, hingga menjadi dua orang musyrik saja. Contoh lainnya ialah wajib bersedekah sebelum bermunajat (berbicara) dengan Rasul SAW, dan lain sebagainya.

## **SURAH AL-BAQARAH (2: 108)**

Allah SWT menegaskan tentang peri penting untuk beradab kepada Nabi Muhammad SAW khususnya ketika era penurunan wahyu berdasarkan pengajaran yang boleh diambil terhadap kaum Bani Israil yang tidak bersikap demikian kepada Nabi Musa AS. Firman-Nya:

أَمْ تُرِيدُونَ أَنْ تَسْأَلُوا رَسُولَكُمْ كَمَا سُئِلَ مُوسَىٰ مِنْ قَبْلُ  
 وَمَنْ يَتَّبِعِ الْكُفْرَ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ ضَلَّ سَوَاءَ السَّبِيلِ ﴿١٠٨﴾

Maksud: Adakah kamu pula hendak meminta dari Rasul kamu sebagaimana diminta dari Nabi Musa (oleh kaumnya) dahulu? Dan sesiapa yang menukar iman dengan mengambil kekufuran, maka sesungguhnya ia sesat dari jalan yang lurus. (108)

(Surah al-Baqarah, 2: 108)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/380) berkata, melalui ayat ini Allah SWT melarang para Mukmin banyak bertanya kepada Nabi SAW mengenai hal yang belum terjadi. Ayat ini semakna dengan ayat lainnya, iaitu firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَسْأَلُوا عَنَ أَشْيَاءٍ إِن تَبَدَّلَ لَكُمْ  
 تَسْوِكُمْ وَإِن تَسْأَلُوا عَنْهَا حِينَ يُنزَلُ الْقُرْءَانُ تَبَدَّلَ لَكُمْ  
 عَفَا ٱللَّهُ عَنْهَا وَٱللَّهُ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿١٠١﴾

Maksud: Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu bertanyakan (kepada Nabi) perkara yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu, dan jika kamu bertanya mengenainya ketika diturunkan al-Quran, tentulah akan diterangkan kepada kamu. Allah maafkan (kamu) dari (kesalahan bertanyakan) perkara itu (yang tidak dinyatakan di dalam al-Quran); kerana Allah Maha pengampun, lagi Maha penyabar. (101)

(Surah al-Ma'idah, 5: 101)

Maksudnya, jika kamu menanyakannya secara terperinci sesudah al-Quran diturunkan, nescaya hal itu akan diterangkan kepada kamu. Tetapi janganlah kamu menanyakan sesuatu sebelum ada keterangannya, kerana barangkali hal itu akan diharamkan kerana adanya pertanyaan kamu itu. Oleh kerana itu, dalam sebuah hadis sahih disebutkan seperti berikut (Al-Bukhari, 2001: 7289):

عَنْ عَامِرِ بْنِ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ، عَنْ أَبِيهِ ﷺ، أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: «إِنَّ أَعْظَمَ الْمُسْلِمِينَ جُرْمًا، مَنْ سَأَلَ عَنْ شَيْءٍ لَمْ يُحْرَمْ، فَحُرِّمَ مِنْ أَجْلِ مَسْأَلَتِهِ.»

Maksud: 'Amir bin Sa'd bin Abi Waqqas daripada bapanya RA mencertikan bahawa Nabi SAW bersabda, "Sesungguhnya Muslim yang paling besar dosanya ialah seseorang yang menanyakan sesuatu yang (pada asal mulanya) tidak diharamkan, kemudian diharamkan kerana pertanyaannya itu.

(Al-Bukhari)

Ketika Rasulullah SAW ditanya mengenai seorang lelaki yang menjumpai isterinya sedang bersama lelaki lain, baginda SAW bingung; sebab jika menjawabnya bererti baginda SAW membicarakan suatu perkara yang besar. Tetapi jika Baginda SAWu diam, bererti baginda SAW diam terhadap perbuatan tersebut. Maka baginda SAW tidak suka dengan orang yang menanyakan demikian, lalu baginda SAW mencelanya. Sesudah itu turunlah ayat *Mula'anaah*, iaitu ayat tentang *li'an*. Oleh kerana itu, maka dalam kitab Sahihain melalui hadis al-Mugirah bin Syu'bah ada menyebut (Al-Bukhari, 2001: 7292; Muslim, t.th.: 593):

كَانَ يَنْهَى عَنْ قَيْلٍ وَقَالَ، وَكَثْرَةَ السُّؤَالِ، وَإِصَاعَةَ الْمَالِ.

Maksud: Adalah Rasulullah SAW melarang perbuatan dikatakan begitu dan berkata begini, banyak bertanya, dan memboroskan harta.

(Al-Bukhari dan Muslim)

Dalam khutbah Rasulullah SAW ada menyatakan (Muslim, t.th.: 1337):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: «خَطَبَنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ، فَقَالَ: «ذَرُونِي مَا تَرَكْتُمْ، فَإِنَّمَا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ بِكَثْرَةِ سُؤَالِهِمْ وَاخْتِلَافِهِمْ عَلَى أَنْبِيَائِهِمْ، فَإِذَا أَمَرْتُكُمْ بِشَيْءٍ فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ، وَإِذَا نَهَيْتُكُمْ عَنْ شَيْءٍ فَدَعُوهُ.»

Maksud: Abu Hurayrah RA berkata, “Rasulullah SAW berkhotbah kepada kami dengan sabdanya, “Biarkanlah aku dengan apa yang aku tinggalkan buat kamu, kerana sesungguhnya binasa orang sebelum kamu hanya kerana mereka banyak bertanya dan banyak menentang para nabi mereka. Oleh kerana itu, apabila aku perintahkan suatu perintah kepada kamu, kerjakanlah oleh kamu apa yang kamu mampu darinya. Dan jika aku larang kamu dari sesuatu, maka jauhilah ia.

(Muslim)

Dalam satu situasi yang lain, pernah Rasulullah SAW memberitahu tentang kewajipan haji sebagaimana hadis berikut (Al-Tirmidhi, 1998: 3055; Ibn Majah, 2009: 2884):

عَنْ عَلِيٍّ، قَالَ: «لَمَّا نَزَلَتْ (وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ، مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا) [آل عمران، ٩٧:٣] قَالُوا: «يَا رَسُولَ اللَّهِ



الْحُجَّ فِي كُلِّ عَامٍ؟» فَسَكَتَ، ثُمَّ قَالُوا: «أَفِي كُلِّ عَامٍ؟» فَقَالَ:  
«لَا، وَلَوْ قُلْتُ: ن «عَمَّ، لَوَجَبَتْ.» فَزَلَّتْ «يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا، لَا  
تَسْأَلُوا عَنَ أَشْيَاءَ إِن تَبَدَّ لَكُمْ تَسْؤُكُمْ» [المائدة، ١٠١:٥].

Maksud: 'Ali RA berkata, "Ketika turun wahyu yang bermaksud "Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. (Surah Ali 'Imran, 3: 97). Lalu para sahabat bertanya, "Wahai Rasulullah! Adakah haji itu dilakukan setiap tahun? Baginda SAW diam. Kemudian mereka bertanya lagi, "Adakah haji itu dilakukan setiap tahun." Baginda menjawab, "Tidak." Kalaulah aku katakan, "Ya! Maka akan diwajibkan (setiap tahun)." Lalu turunlah wahyu yang bermaksud, "Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu bertanyakan (kepada Nabi) perkara yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu. (Surah al-Ma'adah, 5: 101).

(Al-Tirmidhi dan Ibn Majah)

Oleh kerana itu dalam satu hadis yang lain ada menjelaskan (Muslim, t.th.: 12):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: «نُهِينَا أَنْ نَسْأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنَ شَيْءٍ، فَكَانَ يُعْجِبُنَا أَنْ يَجِيءَ الرَّجُلُ مِنْ أَهْلِ الْبَادِيَةِ الْعَاقِلُ، فَيَسْأَلُهُ، وَنَحْنُ نَسْمَعُ.»

Maksud: Anas bin Malik menyatakan, "Kami dilarang menanyakan sesuatu kepada Rasulullah SAW." Anas RA sangat senang bila ada seorang lelaki dalam kalangan penduduk Badwi (perkampungan),

*lalu lelaki itu bertanya kepada Rasulullah SAW, maka kami akan mendengarkannya dengan penuh perhatian.*

*(Muslim)*

Manakala satu athar yang lain pula juga menyatakan (Al-Ruyani, 1995: 308):

عَنِ الْبَرَاءِ قَالَ: «إِنْ كَانَتْ لَتَأْتِي عَنِّي السَّنَةُ أُرِيدُ أَنْ أَسْأَلَ  
رَسُولَ اللَّهِ ﷺ عَنِ الشَّيْءِ فَأَتَهَيَّبُهُ، قَالَ: وَإِنْ كُنَّا لَنَتَمَنَّى  
الْإِعْرَابَ.»

Maksud: *Al-Barra bin Azib yang menyatakan, “Sesungguhnya berlalu masa satu tahun aku memendam perasaan ingin bertanya kepada Rasulullah SAW tentang suatu masalah, tetapi aku merasa takut dan segan kepadanya. Sesungguhnya aku benar-benar berharap semoga ada orang Badwi datang bertanya kepadanya (lalu aku mendengarnya).”*

*(Al-Ruyani)*

Sifat beradab yang dipraktikkan oleh para sahabat sebagaimana yang disuruh oleh Allah SWT tentang tidak banyak bertanya ada digambarkan oleh satu hadis berikut (Al-Bazzar, 2009: 5065):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: «مَا رَأَيْتُ قَوْمًا خَيْرًا مِنْ أَصْحَابِ  
مُحَمَّدٍ ﷺ مَا سَأَلُوهُ إِلَّا عَنْ ثِنْتَيْ عَشْرَةَ مَسْأَلَةً كُلُّهَا فِي الْقُرْآنِ:  
(يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْحُمْرِ وَالْمَيْسِرِ)، و(يَسْأَلُونَكَ عَنِ الشَّهْرِ الْحَرَامِ)

، (وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْيَتَامَىٰ) قَالَ فَلَمَّا نَزَلَتْ: (وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ) عَزَلُوا طَعَامَهُمْ مِنْ طَعَامِهِمْ فَنَزَلَتْ: (وَإِنْ تَخَالَطَوْهُمْ فَاخْوَانُكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ الْمُفْسِدَ مِنَ الْمُصْلِحِ).

Maksud: *Ibn 'Abbas RA yang menyatakan, "Aku belum pernah melihat suatu kaum yang lebih baik daripada sahabat Muhammad SAW Mereka tidak pernah bertanya kecuali dua belas masalah, yang semuanya itu terdapat dalam al-Quran." Iaitu firman-Nya, ( وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْيَتَامَىٰ وَالْمَيْسِرِ ) yang bermaksud, "Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi." (Surah al-Baqarah, 2: 219), ( وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الشَّهْرِ الْحَرَامِ ), yang bermaksud, "Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) berperang dalam bulan yang dihormati." (Surah al-Baqarah, 2: 217), ( وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْيَتَامَىٰ ), yang bermaksud, "Dan mereka bertanya lagi kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (masalah) anak-anak yatim." (Surah al-Baqarah, 2: 220). Ibn 'Abbas berkata, "ketika ayat ini turun, ( وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ ) yang bermaksud, "Dan janganlah kamu menghampiri harta anak yatim." (Surah al-Isra', 17: 34), para sahabat memisahkan makanan mereka daripada makanan anak yatim. Lalu turun wahyu, ( وَإِنْ تَخَالَطَوْهُمْ فَاخْوَانُكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ الْمُفْسِدَ مِنَ الْمُصْلِحِ ) yang bermaksud, "dan jika kamu bercampur gaul dengan mereka (maka tidak ada salahnya) kerana mereka itu ialah saudara-saudara kamu (yang seugama); dan Allah mengetahui akan orang yang merosakkan (harta benda mereka) daripada orang yang hendak memperbaikinya."*

(Al-Bazzar)

Terbukti bahawa para sahabat yang mendokong Nabi SAW merupakan golongan yang sangat berbeza dengan kaum Bani Israil yang mendokong Nabi Musa AS. Oleh kerana itu, dalam kitab taurat ada menjelaskan bahawa Allah SWT bukan sahaja memilih Nabi

Muhammad SAW sebagai Rasul yang terakhir, tetapi juga memilih para sahabat untuk mendokong agama ini agar menjadi pembela dan penafsir kepada kehidupan Nabi SAW untuk umat manusia sehingga ke hari kiamat (Jasmi, 2019a).

Perbincangan lanjut tentang tafsiran firman Allah SWT dijelaskan oleh Imam (Ibn al-Kathir, 1999: 1/381):

أَمْ تَرِيدُونَ أَنْ تَسْأَلُوا رَسُولَكُمْ كَمَا سَأَلَ مُوسَىٰ مِنْ قَبْلُ

Maksud: *Adakah kamu pula hendak meminta dari Rasul kamu sebagaimana diminta dari Nabi Musa (oleh kaumnya) dahulu?*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 108)

Iaitu memang kamu menghendakinya. Atau *istifham*, iaitu kata tanya di sini mempunyai erti sesuai dengan babnya, iaitu *istifham inkari*, iaitu kata tanya yang mengandungi kecaman. Hal ini bersifat menyeluruh mencakup kaum Mukmin, juga orang kafir kerana sesungguhnya Rasulullah SAW diutus untuk kesemuanya, seperti yang disebutkan oleh firman-Nya:

يَسْأَلُكَ أَهْلُ الْكِتَابِ أَنْ تُنزِلَ عَلَيْهِمْ كِتَابًا مِّنَ السَّمَاءِ فَقَدْ سَأَلُوا مُوسَىٰ أَكْبَرَ مِنْ ذَلِكَ فَقَالُوا أَرِنَا اللَّهَ جَهْرَةً فَأَخَذَتْهُمُ الصَّعِقَةُ بِظُلْمِهِمْ

Maksud: *Abli Kitab (kaum Yahudi) meminta kepadamu (wahai Muhammad) supaya engkau menurunkan kepada mereka sebuah Kitab dari langit. (Janganlah engkau merasa pelik), kerana sesungguhnya*

*mereka meminta kepada Nabi Musa lebih besar dari itu. Mereka berkata, “(Wahai Musa) perhatikanlah Allah kepada kami dengan nyata (supaya kami dapat melihatNya dan percaya kepada-Nya)”. Lalu mereka disambar oleh petir dengan sebab kezaliman mereka (menderhaka kepada Allah).*

(Surah *al-Nisa*, 4: 153)

Ayat dalam surah *al-Baqarah* (2: 108) ini menurut riwayat adalah disebabkan oleh dua orang Yahudi yang meminta kepada Nabi SAW sesuatu sebagaimana athar berikut (Ibn Jarir, 2001: 1777; Ibn Abi Hatim, 1998: 1074):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: «قَالَ رَافِعُ بْنُ حُرَيْمَةَ، وَوَهْبُ بْنُ زَيْدٍ لِرَسُولِ اللَّهِ ﷺ: «يَا مُحَمَّدُ ائْتِنَا بِكِتَابٍ تُنَزِّلُهُ عَلَيْنَا مِنَ السَّمَاءِ نَقْرُوهُ، وَفَجَّرَ لَنَا أَنْهَارًا نَتَّبِعَكَ وَنُصَدِّقُكَ.» فَأَنْزَلَ اللَّهُ فِي ذَلِكَ مِنْ قَوْلِهِمْ: (أَمْ تُرِيدُونَ أَنْ تَسْأَلُوا رَسُولَكُمْ كَمَا سُئِلَ مُوسَى مِنْ قَبْلُ وَمَنْ يَتَّبِعِ الْكُفْرَ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ ضَلَّ سَوَاءَ السَّبِيلِ) [البقرة: 108].»

Maksud: *Ibn 'Abbas yang menyatakan bahawa Raff bin Huraimilah dan Wahb bin Zaid (keduanya adalah orang Yahudi) bertanya, “Hai Muhammad, datangkanlah kepada kami sebuah kitab yang engkau turunkan dari langit kepada kami untuk kami baca, dan alirkanlah buat kami sungai, nescaya kami akan mengikuti kamu dan percaya kepadamu.” Maka Allah SWT menurunkan firman-Nya sebagai jawapan terhadap ucapan mereka itu, iaitu yang bermaksud, “Adakah kamu pula hendak meminta dari Rasul kamu sebagaimana diminta dari Nabi*

*Musa (oleh kaumnya) dahulu? Dan sesiapa yang menukar iman dengan mengambil kekufuran, maka sesungguhnya ia sesat dari jalan yang lurus.” (Surah al-Baqarah, 2: 108).*

(Ibn Jarir dan Ibn Abi Hatim)

Abu Ja'far al-Razi meriwayatkan berkaitan dengan firman (surah *al-Baqarah*, 2: 108) dengan athar berikut (Ibn Jarir, 2001: 1783; Ibn Abi Hatim, 1998: 1076):

عَنْ أَبِي الْعَالِيَةِ، قَالَ: قَالَ رَجُلٌ: «يَا رَسُولَ اللَّهِ لَوْ كَانَتْ  
كُفَّارَاتُنَا كُفَّارَاتِ بَنِي إِسْرَائِيلَ.» فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: «اللَّهُمَّ لَا  
تَبْغِيهَا- ثَلَاثًا- مَا أَعْطَاكُمْ اللَّهُ خَيْرَ مِمَّا أَعْطَى بَنِي  
إِسْرَائِيلَ، كَانَتْ بَنُو إِسْرَائِيلَ إِذَا أَصَابَ أَحَدُهُمُ الْخَطِيئَةَ  
وَجَدَهَا مَكْتُوبَةً عَلَى بَابِهِ وَكُفَّرَتْهَا، فَإِنْ كَفَّرَهَا كَانَتْ لَهُ  
خِزْيًا فِي الدُّنْيَا وَإِنْ لَمْ يُكْفَرْهَا كَانَتْ لَهُ خِزْيًا فِي الْآخِرَةِ،  
فَمَا أَعْطَاكُمْ اللَّهُ خَيْرٌ مِمَّا أَعْطَى بَنِي إِسْرَائِيلَ.»

Maksud: *Abu al-'Aliyah* berkata, “Seorang lelaki berkata, “Wahai Rasulullah, sekiranya kufarat kita sama dengan kufarat kaum Bani Israil.” Maka Nabi SAW menjawab, “Ya Allah, kami tidak menginginkannya — sebanyak tiga kali— apa yang diberikan oleh Allah SWT kepada kamu lebih baik daripada apa yang diberikan kepada Bani Israil. Dahulu orang Bani Israil apabila seseorang dari mereka melakukan perbuatan dosa, maka ia menjumpai dosanya itu tertulis di atas pintu rumahnya dan tertulis pula kufaratnya. Jika dia membayar kufarat-nya, maka baginya kehinaan di dunia; dan jika dia tidak membayar kufarat

*dosanya, maka baginya kebinaan di akhirat. Apa yang diberikan oleh Allah SWT kepada kamu lebih baik daripada apa yang diberikan kepada Bani Israil.*

*(Ibn Jarir dan Ibn Abi Hatim)*

Selanjutnya Abu al-‘Aliyah membacakan firman-Nya:

وَمَنْ يَعْمَلْ سُوءًا أَوْ يَظْمِرْ نَفْسَهُ وَتُمْ يَسْتَغْفِرِ اللَّهَ يَجِدِ اللَّهَ  
غَفُورًا رَحِيمًا ﴿١١٠﴾

*Maksud: Dan sesiapa yang melakukan kejahatan atau menganiaya dirinya sendiri (dengan melakukan maksiat) kemudian ia memohon ampun kepada Allah, nescaya ia akan mendapati Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (110)*

*(Surah al-Nisa', 4: 110)*

Begitu juga satu hadis ada menjelaskan (Muslim, t.th.: 233):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: «الصَّلَوَاتُ الْخُمْسُ،  
وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ، كَفَّارَاتٌ لِمَا بَيْنَهُنَّ.»

*Maksud: Abu Hurayrah RA menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda, "Solat lima waktu dan Jumaat ke Jumaat yang lainnya merupakan kifarar bagi dosa antara keduanya.*

*(Muslim)*

Hadis ini diperkukuhkan lagi dengan satu hadis yang lain yang menjelaskan (Al-Harith, 1992: 1050):

عَنْ أَنَسٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: «مَنْ هَمَّ بِحَسَنَةٍ فَعَمِلَهَا كُتِبَتْ لَهُ عَشْرَ حَسَنَاتٍ، فَإِنْ لَمْ يَعْمَلْهَا كُتِبَتْ لَهُ حَسَنَةٌ وَاحِدَةٌ، وَمَنْ هَمَّ بِسَيِّئَةٍ فَعَمِلَهَا كُتِبَتْ عَلَيْهِ سَيِّئَةٌ وَاحِدَةٌ، فَإِنْ لَمْ يَعْمَلْهَا لَمْ يُكْتَبْ عَلَيْهِ شَيْءٌ.»

Maksud: Anas menceritakan bahwa Rasulullah SAW bersabda, “Barang siapa yang berniat melakukan suatu perbuatan baik, dan dia melakukannya, maka ditulis untuk sepuluh kebaikan. Sekiranya dia tidak melakukannya, maka ditulis untuknya satu kebaikan. Manakala sesiapa yang berniat melakukan kejahatan dan di melakukannya, maka ditulis untuk satu dosa sahaja. Sekiranya dia tidak melakukannya, maka tidak akan ditulis untuk sesautu dosa pun.

(Al-Harith)

Terdapat juga riwayat yang menyatakan bahawa ayat (surah *al-Baqarah*, 2: 108) adalah berkaitan dengan satu athar Tabi'in menyatakan (Ibn Jarir, 2001: 1781; Ibn Abi Hatim, 1998: 1075):

عَنْ مُجَاهِدٍ قَالَ: «سَأَلْتُ قُرَيْشَ مُحَمَّدًا أَنْ يَجْعَلَ لَهُمُ الصَّفَا ذَهَبًا، فَقَالَ: «نَعَمْ، وَهُوَ لَكُمْ كَالْمَائِدَةِ لِبَنِي إِسْرَائِيلَ إِنْ كَفَرْتُمْ». فَأَبَوْا وَرَجَعُوا، فَأَنْزَلَ اللَّهُ (أَمْ تُرِيدُونَ أَنْ تَسْأَلُوا رَسُولَكُمْ كَمَا سَأَلَ مُوسَى مِنْ قَبْلُ) [البقرة، ١٠٨: ٢] إِنْ يُرِيهِمُ اللَّهُ جَهَنَّمَ.»

Maksud: Mujahid berkata, “Orang Quraisy pernah meminta kepada Muhammad SAW agar menjadikan Bukit Safa menjadi emas buat mereka. Maka Rasulullah SAW bersabda, “Ya, Bukit Safa menjadi emas bagi kamu seperti maidah (hidangan dari langit) buat Bani Israil.” Dan



*ternyata mereka menolak serta mencabut kembali permintaan mereka. Maka Allah SWT menurunkan wahyu-Nya yang bererti, “Adakah kamu pula bendak meminta dari Rasul kamu sebagaimana diminta dari Nabi Musa (oleh kaumnya) dahulu?, iaitu untuk melihat Allah seketika.”*

*(Ibn Jarir dan Ibn Abi Hatim)*

Sebenarnya ayat ini membawa maksud bahawa Allah SWT mencela orang yang meminta sesuatu hal kepada Rasulullah SAW dengan permintaan yang menyusahkan dan menggurui, seperti permintaan yang diajukan oleh Bani Israil kepada Nabi Musa AS dengan permintaan yang menyusahkan, mendustakan, dan mengingkarinya. Oleh kerana itu, Allah SWT melanjutkan firman-Nya:

وَمَنْ يَتَبَدَّلِ الْكُفْرَ بِالْإِيمَانِ

Maksud: *Dan sesiapa yang menukar iman dengan mengambil kekufuran*

*(Surah al-Baqarah, 2: 108)*

Ayat ini membawa maksud kepada sesiapa yang membeli kekufuran dengan menukarnya dengan keimanan. Maka balasan yang diterima mereka di dunia dijelaskan lagi dalam firman-Nya:

فَقَدْ ضَلَّ سَوَاءَ السَّبِيلِ ﴿١٠٨﴾

Maksud: *Maka sesungguhnya ia sesat dari jalan yang lurus. (108)*

*(Surah al-Baqarah, 2: 108)*

Iaitu dia benar-benar menyimpang dari jalan yang lurus dan menuju kepada kebodohan dan kesesatan. Memang demikianlah keadaan orang yang menyimpang dari percaya kepada nabi-nabi, tidak mahu mengikuti dan tidak mahu taat kepada mereka, bahkan menentang dan mendustakan

mereka serta menyusahkan mereka dengan pertanyaan yang tidak diperlukan yang tujuannya tiada lain hanya ingkar dan memberatkan mereka. Seperti yang dinyatakan dalam firman lainnya, iaitu:

أَمْ تَرَى إِلَى الَّذِينَ بَدَّلُوا نِعْمَتَ اللَّهِ كُفْرًا وَأَحَلُّوا قَوْمَهُمْ دَارَ  
الْبُورِ ۗ جَهَنَّمَ يَصَلُّونَهَا وَبَسَّ الْأَقْرَارُ ﴿٢٨﴾

Maksud: *Tidakkah engkau melihat (dan merasa ajaib) terhadap orang kafir yang menukar kesyukuran nikmat Allah dengan kekufuran, dan yang menempatkan kaum mereka dalam kebinasaan? (28) (Iaitu) neraka Jahannam yang mereka akan menderita bakarannya; dan (ingatlah), seburuk-buruk tempat tetap ialah neraka Jahannam. (29)*

(Surah Ibrahim, 14: 28-29)

Abu al-'Aliyah menyatakan bahawa makna ayat ini (iaitu *al-Baqarah*, 2: 108) ialah barang siapa yang menukar kebahagiaan dengan kesengsaraan.

## **SURAH AL-BAQARAH (2: 109-110)**

Pelbagai adab yang diajarkan oleh Allah SWT kepada para sahabat ketika bersama dengan Rasulullah SAW agar mereka tidak mengikut jejak langkah kaum Bani Israil yang dilaknat oleh Allah SWT. Kesan laknat itu menyebabkan mereka sangat menentang Nabi Muhammad SAW, para sahabat, dan umat Islam sehingga ke hari kiamat dan sentiasa berusaha agar umat ini terpesong daripada agama yang hak. Firman-Nya:

وَدَّ كَثِيرٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يَرُدُّونَكُمْ مِن بَعْدِ  
 إِيمَانِكُمْ كُفَّارًا حَسَدًا مِّنْ عِنْدِ أَنفُسِهِمْ مِّنْ بَعْدِ مَا  
 تَبَيَّنَ لَهُمُ الْحَقُّ فَاعْفُوا وَاصْفَحُوا حَتَّىٰ يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ <sup>ط</sup>  
 إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٠٩﴾ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا  
 الزَّكَاةَ وَمَا تَقَدَّمُوا لَأَنفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ <sup>ق</sup>  
 إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٠﴾

Maksud: Banyak antara Ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) suka kalaulah kiranya mereka dapat mengembalikan kamu menjadi kafir setelah kamu beriman, kerana dengki yang timbul dari diri mereka sendiri, sesudah nyata kepada mereka kebenaran (Nabi Muhammad SAW). Oleh itu, maafkanlah dan biarkanlah oleh kamu (akan mereka), sehingga Allah datangkan perintah-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. (109) Dan dirikanlah oleh kamu akan solat dan tunaikanlah zakat dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa Melihat segala yang kamu kerjakan. (110)

(Surah al-Baqarah, 2: 109-110)

Berkata Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/382), Allah SWT memperingatkan hamba-Nya yang Mukmin agar waspada terhadap tingkah laku orang kafir dalam kalangan Ahli Kitab. Dia memberitahukan kepada mereka akan permusuhan orang Ahli Kitab itu terhadap diri mereka, baik secara lahir maupun batin. Juga diberitahukan oleh Allah SWT bahawa

dalam hati ahli Kitab, mereka memendam rasa kedengkian terhadap para Mukmin, padahal mereka mengetahui keutamaan para Mukmin atas diri mereka dan keutamaan Nabi para Mukmin atas para nabi mereka.

Allah SWT memerintahkan hamba-Nya yang beriman agar bersikap untuk berlapang dada dan pemaaf atau bersabar, hingga datang perintah Allah SWT yang membawa pertolongan dan kemenangan. Allah SWT memerintahkan mereka agar mendirikan solat, menunaikan zakat, serta menganjurkan dan mendorong mereka untuk mengerjakannya. Hal ini seperti yang disebutkan dalam satu athar berikut (Ibn Jarir, 2001: 1788; Ibn Abi Hatim, 1998: 1081):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: «كَانَ حُيُّ بْنُ أَخْطَبَ وَأَبُو يَاسِرِ بْنِ  
أَخْطَبَ مِنْ أَشَدِّ يَهُودَ لِلْعَرَبِ حَسَدًا، إِذْ خَصَّهْمُ اللَّهُ بِرَسُولِهِ  
ﷺ، وَكَانَا جَاهِدَيْنِ فِي رَدِّ النَّاسِ عَنِ الْإِسْلَامِ بِمَا اسْتَطَاعَا،  
فَأَنْزَلَ اللَّهُ فِيهِمَا: (وَدَّ كَثِيرٌ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يَرُدُّونَكُمْ  
[البقرة: 109] الْآيَةَ.»

Maksud: *Ibn 'Abbas yang menceritakan bahawa Huyay bin Akhtab dan Abu Yasir bin Akhtab merupakan dua orang Yahudi yang paling dengki kepada orang Arab, kerana mereka diberi keistimewaan dengan Rasulullah SAW yang berasal dalam kalangan mereka. Keduanya selalu berupaya keras membalikkan orang dari Islam dengan semua kemampuan yang dimiliki kedua-duanya. Maka Allah SWT menurunkan firman-Nya: Sebahagian besar Ahli Kitab menginginkan agar mereka dapat mengembalikan kamu. (Surah al-Baqarah, 2: 109), hingga akhir ayat.*

(Ibn Jarir dan Ibn Abi Hatim)

Terdapat juga riwayat daripada al-Zuhri berhubung dengan takwil firman Allah SWT (surah *al-Baqarah*, 109) bahawa yang dimaksud ialah Ka'b ibnul Asyraf. Imam Ibnu Abu Hatim menyatakan (Ibn Abi Hatim, 1998: 1083):

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ كَعْبِ بْنِ مَالِكٍ، عَنْ أَبِيهِ:  
 «أَنَّ كَعْبَ بْنَ الْأَشْرَفِ الْيَهُودِيَّ، كَانَ شَاعِرًا، وَكَانَ يَهْجُو  
 النَّبِيَّ ﷺ وَفِيهِمْ أَنْزَلَ اللَّهُ (وَدَّ كَثِيرٌ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ  
 يَرُدُّونَكُمْ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِكُمْ كَقَارِئًا حَسَدًا) [البقرة: 109]  
 إِلَى قَوْلِهِ: (فَاعْفُوا وَاصْفَحُوا) [البقرة: 109].

Maksud: *‘Abd al-Rahman bin ‘Abdullah bin Ka’ab bin Malik daripada bapanya bahawa beliau “menceritakan kepada kami Abu al-Yaman, menceritakan kepada kami Shu’aib, dari al-Zuhri, menceritakan kepadaku Abd al-Rahman bin Abdullah bin Ka’ab bin Malik, dari ayahnya, bahawa Ka’ab bin Ashraf adalah seorang penyair Yahudi yang selalu menghina Nabi SAW (melalui syairnya). Maka sehubungan dengan dialah diturunkan firman-Nya yang bermaksud, “Banyak antara Ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) suka kalaulah kiranya mereka dapat mengembalikan kamu menjadi kafir setelah kamu beriman, kerana dengki yang timbul dari diri mereka sendiri, sesudah nyata kepada mereka kebenaran (Nabi Muhammad SAW). Oleh itu, maafkanlah dan biarkanlah oleh kamu (akan mereka).” (Surah al-Baqarah, 2: 109).*

(Ibn Abi Hatim)

Menurut Imam Ibn Abi Hatim (1998: 1084), Ibn ‘Abbas berkata:

أَنَّ رَسُولًا أُمِّيًّا يُخْبِرُهُمْ بِمَا فِي أَيْدِيهِمْ مِنَ الرُّسُلِ وَالْكِتَابِ  
وَالْآيَاتِ، ثُمَّ يَصَدِّقُ بِذَلِكَ عَلَيْهِ مِثْلَ تَصَدِيقِهِمْ أَوْ أَشَدَّ مِنْ  
تَصَدِيقِهِمْ، وَلَكِنَّهُمْ جَحَدُوا ذَلِكَ كُفْرًا وَحَسَدًا وَبَغْيًا.  
وَكَذَلِكَ قَالَ اللَّهُ كُفْرًا حَسَدًا مِنْ عِنْدِ أَنْفُسِهِمْ.

Maksud: *Bahawa seorang rasul yang ummi menghabarkan kepada mereka (ahli kitab) kitab, rasul, dan mukjizat yang dilakukan oleh Rasul mereka. Kemudian Rasul yang ummi itu membenarkan hal tersebut seperti mereka membenarkannya, tetapi mereka ingkar kepada Rasul itu kerana kufur, dengki, dan kesombongan mereka. Seperti yang dinyatakan oleh firman Allah SWT yang bermaksud kerana dengki yang (timbul) dari diri mereka sendiri.*

(Ibn Abi Hatim)

Athar ini bermaksud bahawa sesudah kebenaran jelas dan terang bagi mereka hingga tiada sesuatu pun dari kebenaran itu yang tidak diketahuinya. Akan tetapi, kedengkian yang terpendam dalam hati mereka mendorong mereka ingkar. Oleh kerana itu, Allah SWT mencela dan mengecam serta menghina mereka dengan kehinaan yang tidak terhingga. Kemudian Allah SWT mensyariatkan kepada Nabi-Nya dan juga kepada para Mukmin semua hal yang diamalkan oleh mereka, iaitu membenarkan dan beriman serta mengakui kitab yang diturunkan kepada mereka yang berupa al-Quran dan kitab yang diturunkan sebelum mereka. Semuanya itu berkat kemurahan dari Allah, pahala-Nya yang berlimpah, serta pertolongan-Nya kepada mereka.

Al-Rabi' bin Anas menyatakan bahawa *min 'indi anfusihim* ( مِنْ عِنْدِ أَنْفُسِهِمْ ), ertinya dari diri mereka sendiri. Manakala Abu al-'Aliyah, Qatadah, dan al-Rabi' bin Anas menyatakan bahawa makna firman Allah SWT yang bermaksud, "Sesudah nyata bagi mereka kebenaran,"


iaitu sesudah nyata bahawa Nabi Muhammad adalah utusan Allah SWT yang mereka jumpai namanya dalam kitab mereka, Taurat dan Injil. Lalu mereka ingkar kepadanya kerana dengki dan iri hati kerana Rasul tersebut bukan dalam kalangan mereka. Seterusnya Allah SWT menyanggung perintah-Nya:

فَاعْفُوا وَاصْفَحُوا حَتَّىٰ يَأْتِيَ اللَّهَ بِأَمْرٍ <sup>ظ</sup>

Maksud: *Oleh itu, maafkanlah dan biarkanlah oleh kamu (akan mereka), sehingga Allah datangkan perintah-Nya.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 109)

Perintah ini pada hakikatnya adalah sama pengertiannya dengan firman-Nya dalam surah yang lain:

لَتُبْلَوْنَ فِي أَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ وَلَتَسْمَعَنَّ مِنَ  
الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَمِنَ الَّذِينَ  
أَشْرَكُوا أَذًى كَثِيرًا <sup>ع</sup> وَإِنْ تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ ذَلِكَ  
مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ 

Maksud: *Demi sesungguhnya, kamu akan diuji pada harta benda dan diri kamu. Dan demi sesungguhnya, kamu akan mendengar dari orang yang diberikan Kitab dahulu daripada kamu dan orang yang musyrik: banyak (tuduhan-tuduhan dan cacian) yang menyakitkan*

*hati. Dalam pada itu, jika kamu bersabar dan bertaqwa maka sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara yang dikehendaki diambil berat (melakukannya). (186)*

(Surah *Ali 'Imran*, 3: 186)

Ibn 'Abbas berkata bahawa firman Allah SWT ini dimansuhkan oleh firman-Nya,

قَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا  
يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ  
الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُوا الْجِزْيَةَ  
عَنْ يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴿٢٩﴾

*Maksud: Perangilah orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat, dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya, dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu dari orang yang diberikan Kitab (kaum Yahudi dan Nasrani), sehingga mereka membayar "Jizyah" dengan keadaan taat dan merendah diri. (29)*

(Surah *al-Tawbah*, 9: 29)

Kenyataan ini juga dipersetujui oleh Abu al-'Aliyah, al-Rabi' bin Anas, Qatadah, dan al-Suddi dengan pernyataan bahawa sesungguhnya ayat ini (surah *al-Baqarah*, 2: 109) dimansukh oleh ayat Saif, iaitu ayat yang memerintahkan perang sebagaimana yang diisytarkan pula oleh firman Allah SWT:



قُلْ إِنْ كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِنُ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُمْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ

Maksud: Katakanlah (wahai Muhammad), "Jika bapa kamu, anak kamu, saudara kamu, dan isteri (atau suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah tempat tinggal yang kamu sukai, (jika semuanya itu) menjadi perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan Rasul-Nya dan (daripada) berjihad untuk agama-Nya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusan-Nya (azab seksa-Nya).

(Surah al-Tawbah, 9: 24)

Satu hadis yang diriwayatkan oleh Usamah bin Zayid (Al-Bukhari, 2001: 4566):

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ وَأَصْحَابُهُ يَعْفُونَ عَنِ الْمُشْرِكِينَ وَأَهْلِ الْكِتَابِ، كَمَا أَمَرَهُمُ اللَّهُ، وَيَصْبِرُونَ عَلَى الْأَذَى، قَالَ اللَّهُ: (فَاعْفُوا وَاصْفَحُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ) وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَتَأَوَّلُ مِنَ الْعَفْوِ مَا أَمَرَهُ اللَّهُ بِهِ، حَتَّى أَذِنَ اللَّهُ فِيهِمْ بِقَتْلِ، فَقَتَلَ اللَّهُ بِهِ مَنْ قَتَلَ مِنْ صَنَادِيدِ قُرَيْشٍ

Maksud: *Pada mulanya Rasulullah SAW dan para sahabatnya memaafkan orang musyrik dan Ahli Kitab seperti apa yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada mereka dan mereka bersabar dalam menahan gangguan yang menyakitkan (dari kalangan orang musyrik dan Ahli Kitab). Allah SWT berfirman, "Maka maafkanlah dan biarkanlah mereka, sampai Allah SWT mendatangkan perintah-Nya. Sesungguhnya Allah SWT Maha Kuasa atas segala sesuatu. (Surah al-Baqarah, 2: 109). Dan Rasulullah SAW mentakwilkan makna memaafkan sesuai dengan apa yang diperintahkan Allah SWT kepadanya sehingga Allah SWT mengizinkan baginda untuk memerangi mereka. Maka terbunuhlah orang yang terbunuh dalam kalangan para pemimpin Quraisy sesudah ada izin dari Allah SWT (untuk memerangi mereka).*

(Al-Bukhari)

Seterusnya, Allah SWT memerintahkan umat Islam dengan firman-Nya:

وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنفُسِكُمْ  
مِّنْ خَيْرٍ يَّجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ

Maksud: *Dan dirikanlah oleh kamu akan solat dan tunaikanlah zakat dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah.*

(Surah al-Baqarah, 2: 104-110)

Dalam ayat ini, Allah SWT menganjurkan mereka menyibukkan diri mengerjakan hal yang bermanfaat bagi diri mereka dan membawa kesan yang baik untuk diri mereka di hari kiamat nanti, iaitu seperti mendirikan solat dan menunaikan zakat sehingga Allah SWT menetapkan

bagi mereka pertolongan dalam kehidupan di dunia dan di hari semua saksi berdiri tegak pada hari kiamat, iaitu hari yang disebutkan oleh firman-Nya:

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ الظَّالِمِينَ مَعَذِرَتُهُمْ وَلَهُمُ اللَّعْنَةُ وَلَهُمْ سُوءُ الدَّارِ ﴿٥٢﴾

Maksud: (iaitu) hari yang tidak berguna bagi orang zalim permintaan maafnya dan bagi merekalah laknat dan bagi mereka tempat tinggal yang buruk.

(Surah Gafir, 40: 52)

Oleh kerana itu, dalam akhir ayat disebutkan:

إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٠﴾

Maksud: Sesungguhnya Allah sentiasa Melihat segala yang kamu kerjakan. (110)

(Surah al-Baqarah, 2: 104-110)

Ayat ini membawa maksud bahawa Allah SWT sama sekali tidak melupakan amal perbuatan orang yang beramal dan amal tersebut tidak akan hilang di sisi-Nya, sama ada amal yang baik mahupun amal yang jahat. Hal ini kerana sesungguhnya Dia akan memberikan balasan kepada setiap orang sesuai dengan amal perbuatannya.

Imam Ibn Jarir (2001: 2/506) menyatakan sehubungan dengan takwil firman Allah SWT ini (Surah al-Baqarah, 2: 110):

Berita dari Allah SWT ini ditujukan kepada orang Mukmin yang diperintahkan oleh Allah SWT melalui ayat ini, bahawa bagaimanapun mereka mengerjakan amal kebaikan atau amal kejahatan, iaitu sama yang baik secara sembunyi-sembunyi ataupun secara terang-terangan, maka Dia Maha Melihat. Tiada sesuatu pun yang samar bagi-Nya. Untuk itu Dia akan membalas kebaikan dengan kebaikan dan amal keburukan dengan pembalasan yang setimpal dengan keburukannya. Sekalipun kalimat ayat ini menurut pengertian lahiriahnya merupakan kalimat berita, tetapi dalamnya terkandung janji dan ancaman serta perintah dan larangan. Dikatakan demikian kerana Allah SWT mempermaklumatkan kepada para Mukmin bahawa Dia Maha Melihat semua amal perbuatan mereka, dengan tujuan agar mereka bersungguh-sungguh dalam taat kepada-Nya, mengingat pahalanya pasti tersimpan di sisi-Nya bagi mereka yang beramal, hingga Allah SWT menunaikan pahala-Nya buat mereka di hari kemudian. Hal ini sepertimana yang disebutkan oleh firman lainnya, iaitu:

وَمَا تَقْدِرُوا إِلَّا أَنْفُسِكُمْ مِّنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ <sup>ظ</sup>

Maksud: Apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. (Surah al-Baqarah, 2: 104-110)

Agar mereka menghindarkan diri mereka dari perbuatan durhaka kepada-Nya.

(Ibn Jarir, 2001: 2/506)

Imam Ibn Jarir (2001: 2/506) menyatakan pula mengenai lafaz *basirun* (بَصِيرٌ), sesungguhnya makna yang dimaksud ialah *mubsirun* (مُبْصِرٌ), iaitu melihat, diubah bentuknya menjadi *basirun* (بَصِيرٌ); sebagaimana diubahnya lafaz *mubdi'un* (مُبْدِعٌ), iaitu pencipta menjadi *badi'un* (بَدِيعٌ), iaitu Maha Pencipta, dan *mu'limun* (مُؤْلِمٌ), iaitu menyakitkan menjadi *alimun* (أَلِيمٌ), iaitu sangat menyakitkan. Uqbah bin Amir menyatakan, “Aku acapkali mendengar Rasulullah SAW sedang membacakan ayat berikut, Sami'un basir (سَمِيعٌ بَصِيرٌ) dengan takwil *bikulli shay'in basir* (بِكُلِّ شَيْءٍ بَصِيرٌ), iaitu melihat segala sesuatu.”

## PENGAJARAN AYAT

Pengajaran daripada perbincangan tafsiran berfokus kepada adab dalam berkata-kata, adab tidak meminta dan mempersoalkan hukum ketika era penurunan wahyu, *nasakh* dan persoalannya, larangan menyerupai orang kafir, dan ingatan Allah SWT kepada umat Islam tentang Yahudi berkaitan dengan Islam.

### ADAB DALAM BERKATA-KATA

Allah SWT mengajar para sahabat untuk beradab dengan Rasulullah SAW dalam percakapan, iaitu tatkala berbicara dengan Rasulullah SAW agar tidak berkata *Ra'ina* yang tidak disukai oleh Allah SWT untuk digunakan kepadanya ketika bercakap. Allah SWT memerintahkan kepada para sahabat agar digantikan perkataan tersebut dengan:

أَنْظُرْنَا وَأَسْمَعُوا

Maksud: *Pandanglah kepada kami dan dengarkanlah.*

Larangan penggunaan kata-kata ini sama seperti larangan penggunaan kalimah:

سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا وَأَسْمَعُ غَيْرَ مُسْمِعٍ وَرَاعِنَا

Maksud, “*Kami dengar.*” (*Sedang mereka berkata dalam hati*), “*Kami tidak akan menurut.*” (*Mereka juga berkata*), “*Tolonglah dengar, tuan tidak diperdengarkan sesuatu yang buruk.*”

(Surah *al-Nisa*, 4: 46)

Yang diperintahkan untuk digantikan dengan kalimah:

سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَأَسْمَعُ

Maksud: *Kami dengar dan kami taat, dan dengarlah serta berilah perhatian kepada kami.*”

(Surah *al-Nisa*, 4: 46)

Perkataan lain dalam Islam yang dilarang untuk digunakan seperti *al-karam* dan digantikan dengan *al-hablah* atau *al-Inab* sekalipun kedua-duanya bermaksud anggur (Muslim, t.th.: 2284).

Berdasarkan perbincangan tafsiran, sebab larangan penggunaan perkataan *Ra'ina* ini adalah kerana:

- (1) Orang Yahudi menggunakan perkataan ini yang juga terdapat dalamnya unsur cacian, sindiran, dan penghinaan kepada Nabi SAW. Perkataan kata nama *al-Ru'unah* (الرُّعُونَةُ) adalah membawa maksud bodoh (Ibn al-Kathir, 1999: 1/373). Oleh itu, umat Islam dilarang menggunakan perkataan ini yang dianggap meniru perkataan orang Yahudi.
- (2) Satu dialek yang digunakan oleh orang Ansar sebelum era pengislaman. Kalimah tersebut dilarang untuk digunakan setelah Islam kerana mengandungi maksud yang tidak baik.
- (3) Terdapat unsur memperolok-olokan Nabi SAW sebagai yang digunakan oleh orang Arab *al-Ra'in min al-qawli* (الرَّاعِنُ مِنَ الْقَوْلِ), yang bererti kejian dalam perkataan.
- (4) Terdapat unsur kurang beradab dalam percakapan budaya masyarakat Arab sebelum Islam atau budaya masyarakat Yahudi untuk digunakan pula ketika era pengislaman. Oleh itu, larangan bertujuan tidak mengikuti budaya buruk tersebut.

Larangan ini tidak lain adalah kerana untuk memberi pengajaran kepada umat manusia dan umat Islam agar tidak menggunakan kata-kata orang kafir untuk tujuan menyindir, mencaci, menghina, dan memperbodohkan orang lain (Ibn al-Kathir, 1999: 1/373) khususnya kepada orang yang dihormati di sisi manusia dan lebih-lebih lagi yang dihormati di sisi Allah SWT. Perkataan lain yang digunakan oleh orang Yahudi terhadap Nabi SAW ialah:

سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا وَأَسْمَعُ غَيْرَ مُسْمِعٍ وَرَاعِنَا

Maksud: *Kami dengar.*” (Sedang mereka berkata dalam hati), “*Kami tidak akan menurut.*” (Mereka juga berkata), “*Tolonglah dengar, tuan tidak diperdengarkan sesuatu yang buruk.*” Serta (mereka mengatakan), “*Ra’ina*”

(Surah *al-Nisa*, 4: 46)

Perkataan ini ditukar oleh Allah SWT untuk digunakan oleh para sahabat dan umat Islam dengan kalimah:

سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَأَسْمَعُ وَأَنْظُرْنَا

Maksud: *Kami dengar dan kami taat, dan dengarlah serta berilah perhatian kepada kami*

(Surah *al-Nisa*, 4: 46)

Penggunaan perkataan untuk tujuan yang buruk juga digunakan orang Yahudi terhadap Rasulullah SAW apabila mereka menggunakan lafaz *al-Sam* ‘*alaykum*’ yang bermaksud ‘kematian kepadamu’ kepada baginda Nabi SAW sehingga mendatangkan kemarahan Sayidatina

'A'ishah RA dan mendoakan dengan ucapan yang sama dan ditambah dengan lafaz laknat. Namun Rasulullah SAW menasihatihnya agar tidak menggunakan perkataan yang buruk yang digunakan oleh orang Yahudi tersebut sebaliknya hanya mengucapkan perkataan *'alaykum* sahaja, iaitu yang bermaksud, 'kepada kamu juga (Al-Bukhari, 2001: 6024, 6401; Muslim, t.th.: 2165). Nasihat ini menunjukkan bahawa lidah manusia tidak wajar untuk mengucapkan sesuatu yang keji dan buruk sama untuk diri dan orang lain.

Penggunaan sesuatu terma atau kalimah, gelaran, dan pemakaian untuk memburukkan seseorang atau kumpulan akan sentiasa berubah daripada satu zaman kepada satu zaman yang lain. Oleh itu, penggunaan ini untuk tujuan menghina, mengutuk, mencaci, menyindir, dan melabel dengan label yang buruk kepada individu atau kumpulan dianggap perbuatan terkeji sebagaimana larangan Allah SWT terhadap apa yang digunakan oleh orang Yahudi kepada Rasulullah SAW untuk diikuti oleh umat Islam sewaktu era penurunan wahyu (surah *al-Baqarah*, 2: 104; surah *al-Nisa'*, 4: 46).

## **ADAB TIDAK MEMPERSOALKAN HUKUM PADA ERA PENURUNAN WAHYU**

Salah satu adab yang diajar oleh Allah SWT kepada para sahabat ialah tidak banyak meminta kepada Nabi SAW dengan permintaan sebagaimana yang dilakukan oleh Bani Israil kepada Nabi Musa AS (surah *al-Baqarah*, 2: 108) sebagaimana permintaan Bani Israil untuk melihat Allah SWT. Sikap kaum Yahudi (surah *al-Nisa'*, 4: 153) dan kafir Quraish (Ibn Jarir, 2001: 1781; Ibn Abi Hatim, 1998: 1075) yang suka meminta sesuatu yang pelik yang berupa pertunjukkan mukjizat ketika era Nabi Musa AS juga dilakukan oleh mereka kepada Nabi Muhammad SAW. Kadang-kadang mukjizat yang diminta untuk ditunjukkan akhirnya memalukan mereka sendiri dan menyukarkan kehidupan mereka sebagaimana dosa yang dilakukan dizahirkan dipintu rumah pendosa (Ibn Jarir, 2001: 1783; Ibn Abi Hatim, 1998: 1076).



Sedangkan bagi umat Muhammad SAW pula, ketika mereka berdosa, mereka boleh sentiasa bertaubat dalam keadaan dosa dan taubat tidak tersingkap kepada orang ramai untuk Allah ampuni dan rahmati mereka (Surah *al-Nisa'*, 4: 110) serta merahmati mereka dengan amalan fardu dan amalan sunat sebagai kifarah untuk memastikan dosa kecil mereka terampun sekalipun tanpa perlu bertaubat (Muslim, t.th.: 233; Al-Harith, 1992: 1050).

Permintaan pertunjukkan pelbagai mukjizat ini yang dipersoalkan oleh Allah SWT, iaitu kalau dengan pelbagai mukjizat yang diminta dan ditunjukkan oleh Bani Israil diperkenankan Nabi Musa AS masih juga menjadikan mereka kufur, ingkar, dan sombong. Begitu juga jika segala yang diminta kepada Nabi Muhammad SAW diperkenankan, maka mereka akan tetap kufur (Ibn Jarir, 2001: 1777; Ibn Abi Hatim, 1998: 1074). Oleh kerana itu, Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW tidak melayan permintaan kaum Yahudi untuk pertunjukkan mukjizat yang diinginkan oleh mereka bagi membuktikan kenabian Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul terakhir. Tambahan pula setiap pertunjukkan mukjizat jika diperkenankan pula dan sekiranya mereka masih tetap kufur, maka kebinasaan mereka lebih cepat berbanding jika tidak diperkenankan permintaan mereka (Surah *al-Baqarah*, 2: 108; Ibn Jarir, 2001: 1781; Ibn Abi Hatim, 1998: 1075; surah *Ibrahim*, 14: 28-29).

Selain itu juga, mereka dilarang untuk banyak bertanya tentang sesuatu hukum yang difardukan kepada mereka ketika era wahyu (surah *al-Ma'idah*, 5: 101). Hal ini demikian kerana tidak mahu menyukarkan umat Muhammad SAW sebagaimana kesusahan yang berlaku Bani Israil tentang peristiwa penyembelihan lembu (Jasmi, 2019b), serta bakangan mereka kepada Nabi Musa AS (Muslim, t.th.: 1337), dan hukum beberapa jenis makanan yang asalnya halal, tetapi diharamkan selepas kaum Bani Israil sendiri yang mengharamkannya (surah *Ali Imran*, 3: 93). Implikasi daripada peristiwa bakangan dan pertikaian kaum Bani Israil merupakan sebab kesusahan kepada pengikut Nabi Musa AS dan akhirnya membinasakan kaum ini sehingga mereka sukar mengamalkan ajarannya.

Oleh kerana itu, dosa yang paling besar yang diberitakan oleh Baginda SAW ialah sesuatu hukum yang asalnya halal menjadi haram disebabkan permintaan dan pertikaian hukum halal tersebut ketika era wahyu (Al-Bukhari, 2001: 7289, 7292; Muslim, t.th.: 593). Sebagai contoh kefarduan haji yang diwajibkan oleh Nabi Muhammad SAW dalam satu khutbah ketika ditanya sama ada kefarduan tersebut setiap tahun atau sekali sahaja, maka Baginda SAW sendiri tidak bersetuju dengan soalan tersebut, bahkan Allah SWT juga tidak bersetuju sehingga diturunkan ayat yang membantah para sahabat untuk banyak bertanya (Surah *al-Ma'idah*, 5: 101). Sejak daripada itu, para sahabat tidak banyak yang mempersoalkan sesuatu hukum yang difardukan kepada mereka (Al-Tirmidhi, 1998: 3055; Ibn Majah, 2009: 2884). Hal ini sehingga para ahli ilmu dalam kalangan para sahabat sendiri tidak berani bertanya dan sangat berharap kalau ada orang Badwi daripada kampung yang boleh bertanya tentang sesuatu perkara yang mereka musykilkan (Muslim, t.th.: 12; Al-Ruyani, 1995: 308). Sifat ketaatan ini pada hakikatnya sangat baik untuk syariat Nabi Muhammad SAW sehingga perkara usul dalam Islam tidak menjadi pertikaian dalam syariat ini. Hanya perkara furuk sahaja yang saling terdapat pelbagai hukum dengan bersumberkan ayat yang sama bagi membolehkan dan memudahkan umat Islam mengamalkan agama dengan mudah dan baik.

Sifat para sahabat yang tidak banyak bertanya ini terbukti daripada athar sehingga perkara yang dipertikaikan dalam Islam tidak banyak, iaitu hanya dalam 12 masalah sebagaimana yang diungkapkan oleh athar dan ayat al-Quran sendiri (Al-Bazzar, 2009: 5065).

## **NASAKH: DEFINISI SERTA JENIS DAN CONTOH**

Umat manusia dan umat Islam perlu mengetahui dan memahami hakikat agama Islam yang mempunyai kesatuan dalam akidah, tetapi mempunyai syariat yang hukum dan ayat, serta syariat yang memiliki *nasikh* dan *mansukh*. Allah SWT yang merupakan Pencipta dan Pemilik dan sudah

tentu Dia Maha Mengetahui apa yang terbaik buat hamba-Nya (surah *al-Baqarah*, 2: 107; Ibn Jarir, 2001: 2/403).

### Definisi Nasikh dan Mansukh

Perkataan *nasakh* (النَّسَخ) berasal dari *naskh al-kitab* (نَسَخَ الْكِتَابِ), iaitu menukilnya dari suatu salinan ke salinan yang lain. Demikian pula makna *menasakhkan* hukum ke hukum yang lainnya dan makna yang dimaksudkan ialah memindahkan hukumnya dan menukil suatu ibarat ke ibarat yang lainnya, iaitu merevisinya, iaitu tanpa membezakan apakah yang *dinasakh* itu hukumnya atau tulisannya kerana kedua-dua keadaan tersebut tetap dinamakan *nasakh* (Ibn al-Kathir, 1999: 1/375).

### Dalil Pensyariatan Nasikh dan Mansukh serta Rumusan Tafsiran

Asas kepada pensyariatan *nasikh* dan *mansukh* berdasarkan dalil firman Allah SWT berikut ini:

مَا نَنْسَخُ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسِهَا نَأْتِ بِخَيْرٍ مِّنْهَا أَوْ مِثْلَهَا

Maksud: *Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansukhkan (batalkan), atau yang Kami tinggalkan (atau tanggubkan), Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya, atau yang sebanding dengannya.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 106)

Maksud ayat “Apa sahaja ayat keterangan yang Kami *mansukhkan* (batalkan)” bermaksud apa sahaja ayat yang diganti (Ibn ‘Abbas, t.th.: 1/16) dan dicabut; ayat yang dikekalkan, tetapi hukumnya digantikan; ayat yang dilupakan atau ditinggalkan; apa sahaja syariat yang ditinggalkan oleh Allah SWT yang tidak diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW;

dan hukum yang berubah kepada satu hukum yang lain (Ibn al-Kathir, 1999: 1/375; Ibn Jarir, 2001: 2/388).

Sedangkan maksud firman Allah SWT, “*aw nunsiba*” (أَوْ نُنْسِبَهَا), iaitu bererti kami jadikan manusia lupa kepadanya. Dua kalimah ini boleh dibaca dengan dua jenis bacaan, iaitu *nansa’aha* (نَنْسَأُهَا) dan *nunsiba* (نُنْسِبُهَا). Orang yang membaca *nansa’uha* ertinya Kami menanggukannya. Maksud kalimah ini terkandung tafsiran tetapkan tulisannya, sedangkan hukumnya diganti, ditangguhkan hukumnya; dihapuskan hukumnya; diakhiri hukumnya, tetapi tidak *dinasakhkan* ayatnya; terdapat ayat ada yang nasikh dan ada yang mansukh, iaitu ada yang merevisi dan ada yang direvisi; Allah SWT menjadikan Nabi-Nya lupa kepada apa yang dikehendaki-Nya, dan Dia *menasakh* apa yang dikehendaki-Nya dari ayat tersebut.

Akhir sekali daripada ayat yang bermaksud Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya, atau yang sebanding dengannya (surah *al-Baqarah*, 2: 106) yang bermaksud lebih baik manfaatnya buat kamu dan lebih ringan bagi kamu; Kami akan mendatangkannya atau Kami datangkan yang sebanding dengannya; Kami datangkan yang lebih baik daripada apa yang Kami *nasakhkan* itu, atau Kami datangkan yang sebanding dengan apa yang Kami tinggalkan itu; dan ayat yang dalamnya terkandung keringanan atau rukhsah (kemurahan) atau perintah atau larangan (Ibn al-Kathir, 1999: 1/378).

### **Jenis Nasikh dan Mansukh serta Contoh Pemansukhan**

Terdapat beberapa jenis *nasikh* dan *mansukh*. Antara beberapa bentuk *pemansukhan* ayat beserta contohnya adalah seperti berikut:

- (1) Hukum dikekalkan, tetapi ayat dimansukkan (Ibn Abi Hatim, 1998: 1057), iaitu terdapat ayat yang pernah diturunkan tetapi dimansukkan yang merujuk kepada orang yang sudah berkahwin dalam kalangan lelaki dan perempuan direjam. Ayat tersebut adalah seperti berikut hadis berikut (Ibn Majah, 2009: 2553):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: «قَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ: «لَقَدْ خَشِيتُ أَنْ يَطُولَ بِالنَّاسِ زَمَانٌ حَتَّى يَقُولَ قَائِلٌ: «مَا أَجِدُ الرَّجْمَ فِي كِتَابِ اللَّهِ، فَيَضِلُّوا بِتَرْكِ فَرِيضَةٍ مِنْ فَرَائِضِ اللَّهِ، أَلَا وَإِنَّ الرَّجْمَ حَقٌّ، إِذَا أَحْصَنَ الرَّجُلُ وَقَامَتِ الْبَيِّنَةُ، أَوْ كَانَ حَمْلٌ أَوْ اعْتِرَافٌ، وَقَدْ قَرَأْتُهَا الشَّيْخُ وَالشَّيْخَةُ إِذَا زَنِيََا فَارْجُمُوهُمَا الْبَتَّةَ «رَجَمَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ وَرَجَمْنَا بَعْدَهُ.»

Maksud: Ibnu 'Abbas RA berkata, “Umar bin Khattab berkata, “Aku khawatir setelah lama masa berlalu, hingga seseorang berkata, “Tidak aku temukan hukum rejam dalam kitab Allah (al-Quran), hingga mereka akan sesat kerana meninggalkan salah satu dari syariat Allah. Ingatlah! Sesungguhnya hukum rejam benar adanya. Apabila terjadi zina lalu ada saksi atau wanita yang bersangkutan hamil, atau ada pengakuan, maka aku membaca, “Laki-laki dan wanita dewasa apabila keduanya berzina, maka benar-benar rajamlah mereka.” Rasulullah SAW melakukan hukum rejam dan kamipun melaksanakannya sepeninggal baginda.”

(Ibn Majah)

Hadis ini membuktikan bahawa pernah terdapat ayat rejam yang sudah dimansuhkan oleh Allah SWT namun hukumnya masih dikekalkan.

- (2) Sesuatu perkara yang *dimansukhkan* dalam ayat yang sama sama ada dalam al-Quran dan hadis. Hal ini sebagaimana hadis berikut (Al-Bukhari, 2001: 6436; Muslim, t.th.: 1048):

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «لَوْ كَانَ لِابْنِ آدَمَ وَادِيَانِ مِنْ مَالٍ لَا بَتَغَى وَادِيَا ثَالِثًا، وَلَا يَمْلَأُ جَوْفَ ابْنِ آدَمَ إِلَّا التُّرَابُ، وَيَتُوبُ اللَّهُ عَلَى مَنْ تَابَ.»

Maksud: *Anas bin Malik menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Sekiranya anak Adam memiliki sebukit emas, nescaya ia akan mengharapakan dua bukit emas lagi, dan tidaklah mulutnya dipenuhi melainkan dengan tanah, dan Allah akan menerima taubat siapa yang bertaubat."*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Dalam hadis terdapat pemansukhan antara dua wadi kepada tiga wadi yang memenuhi keinginan hati manusia.

- (3) Hukum dan ayat dimansukhkan sama sekali sehingga para sahabat yang pernah mempelajari daripada Nabi Muhammad SAW dilupakan ayat dan hukumnya (Al-Tabrani, 1994: 13141; 1995: 4637).
- (4) Sesuatu hukum bersumberkan dalil hadis yang dimansukhkan dengan penurunan wahyu al-Quran (surah *al-Baqarah*, 2: 144) sebagaimana dengan hukum pertukaran kiblat umat Islam daripada Baitulmuqaddis kepada Kaabah, Mekah.
- (5) Pemansukhan sesuatu syariat dengan syariat yang lain.
- (a) Contoh terbaik ialah pemansukhan perkahwinan adik beradik berlainan kelahiran dalam syariat Nabi Adam AS sudah diharamkan dalam pensyariaan Nabi yang berikutnya, iaitu setelah populasi manusia bertambah.

- (b) Dalam syariat Nabi Nuh, sesudah dia keluar dari kapalnya setelah banjir besar. Ketika syariat nabi dihalalkan memakan daging semua haiwan akibat daripada kekurangan makanan. Kemudian dimansukh hukum ini dan yang dihalalkan hanya sebahagiannya saja.
- (c) Syariat Nabi Ya'qub bahawa kaum Bani Israil diperbolehkan menikahi dua orang perempuan yang bersaudara (kakak dan adiknya), kemudian dalam kitab Taurat hal tersebut diharamkan, demikian pula pada syariat sesudahnya.
- (d) Allah SWT pernah memerintahkan kepada Nabi Ibrahim AS untuk menyembelih anak laki-laknya, iaitu Nabi Ismail. Kemudian hal itu dimansukh sebelum Nabi Ibrahim melakukannya.
- (e) Allah SWT memerintahkan agar membunuh semua Bani Israil yang pernah menyembah anak lembu, kemudian hukuman tersebut dinasakh agar mereka tidak habis kerana dihukum mati.
- (f) Terdapat jenis makanan yang diharamkan kepada Bani Israil, tetapi diharuskan kepada syariat Nabi Muhammad SAW (surah *Ali 'Imran*, 3: 93).
- (g) Syariat Nabi Muhammad SAW memansukhkan segala syariat sebelumnya. Semua umat manusia wajib mengikuti Nabi SAW dan bahawa tiada lagi suatu amal pun yang dapat diterima kecuali dengan mengamalkan syariatnya, tanpa memandang kepada suatu pendapat yang menyatakan bahawa sesungguhnya syariat yang terdahulu sudah berakhir sampai dengan masa Nabi SAW diangkat menjadi utusan Allah SWT. Contoh terbaik antara hukum yang dimansukhkan oleh syariat Nabi Muhammad SAW ialah tempoh berpuasa dalam syariatnya berbanding hukum berpuasa dengan syariat sebelum baginda SAW (surah *al-Baqarah*, 2: 187).
- (h) Pemansukhkan agar bersabar dengan cacian dan makian orang Yahudi dan Nasrani (surah *Ali 'Imran*, 3: 186) dengan ayat kefarduan jihad (surah *al-Tawbah*, 9: 24) dan kewajipan memerangi orang mereka (surah *al-Tawbah*, 9: 29; Al-Bukhari, 2001: 4566).

Terbukti pemansukkan sememangnya wujud dalam Islam dalam antara sesuatu syariat dengan syariat yang lain dan antara sesuatu hukum dengan hukum yang lain. Pemansukkan juga berlaku antara ayat dengan ayat dan antara ayat dengan hadis dalam syariat Nabi Muhammad SAW. Hal ini kerana sumber hadis dalam syariat Nabi Muhammad merupakan sumber penting selepas al-Quran sebagai sumber sesuatu hukum.

### **Penyingkapan Pembohongan Yahudi Terhadap Pemansukkan Ayat dan Syariat**

Perbincangan tafsiran juga menyingkap tentang pembohongan orang Yahudi tentang ayat dan syariat yang menasakh dan memansukkan. Kaum Yahudi mempercayai bahawa tidak mungkin sesuatu ayat itu dimansukkan dan tidak mungkin juga sesuatu syariat dimansukkan berdasarkan akal rasional dan dalil yang direka-reka untuk mengukuhkan kepercayaan tersebut. Oleh kerana itu mereka tidak mempercayai bahawa syariat Nabi Musa AS sudah dimansukkan dengan kedatangan Nabi Isa AS begitu juga syariat Nabi Muhammad AS memansukkan syariat Nabi Isa AS dan Nabi Musa AS (Ibn Jarir, 2001: 2/403).

### **Larangan Menyerupai Orang Kafir**

Perbincangan tafsiran ayat juga memberi pengajaran kepada umat Islam, iaitu mereka dilarang untuk menyerupai orang kafir dalam bentuk percakapan, perbuatan, pemakaian, dan lain-lain bentuk yang secara urufnya adalah slogan bagi orang kafir (Ibn al-Kathir, 1999: 1/373).

Menyerupai orang kafir daripada segi perkataan dan perbuatan tersebut menyebabkan seseorang dianggap sebahagian daripada kaum kafir tersebut (Ahmad, 2001: 5115; Abu Dawud, 2009: 4031). Oleh itu, apabila seseorang mengeji seseorang Mukmin dengan kata-kata, maka Mukmin tersebut wajar tidak membalas balik kejian tersebut dengan menyebut perkataan kejian yang digunakan oleh orang yang mengeji tersebut (Al-Bukhari, 2001: 6024, 6401; Muslim, t.th.: 2165).



## INGATAN ALLAH SWT KEPADA UMAT ISLAM TENTANG YAHUDI BERKAITAN DENGAN ISLAM

Umat manusia serta Mukmin dan Muslim perlu mengetahui dan memahami bahawa Allah SWT merahmati seseorang yang berada dalam Islam dengan syariat yang sempurna. Anugerah agama ini merupakan anugerah yang terbesar kepada seseorang manusia yang dipertegaskan sendiri oleh Allah SWT (surah *al-Baqarah*, 2: 105; Ibn al-Kathir, 1999: 1/375). Anugerah dan rahmat Islam ini yang diberikan kepada Umat Islam ini sangat menimbulkan rasa dengki dalam kalangan ahli Kitab sama ada Yahudi dan Nasrani (surah *al-Baqarah*, 2: 109) dan rasa sombong (Ibn Abi Hatim, 1998: 1084). Rasa dengki ini timbul disebabkan mereka mengetahui kebenaran Islam dan kesesatan mereka. Selain daripada keutamaan umat Nabi Muhammad SAW berbanding nabi mereka serta keutamaan umat Muhammad SAW berbanding umat mereka (Ibn al-Kathir, 1999: 1/382; Ibn Jarir, 2001: 1788; Ibn Abi Hatim, 1998: 1081, 1083).

Mereka merancang pelbagai rancangan sama ada secara zahir atau batin. Rancangan mereka secara zahir dengan melakukan pelbagai perbuatan dan percakapan dalam bentuk cacian dan tuduhan terhadap agama Islam (surah *Ali 'Imran*, 3: 186) seperti slogan pengganas, ortodok, dan tidak professional. Manakala batin dengan pengaruh isme dan amalan yang semuanya bertujuan untuk mengeluarkan mereka dan umat Islam dari agamanya sehingga menjadi kafir. Pesanan Allah SWT ini dengan nasihat Allah SWT kepada umat Islam agar memaafkan sifat kedengkian ahli kitab tersebut serta banyak bersabar dengan tingkah laku mereka (Ibn al-Kathir, 1999: 1/382; surah *al-Baqarah*, 2: 109-110) dan menganggap semua yang dilakukan sebagai ujian dan dugaan dalam beragama (surah *Ali 'Imran*, 3: 186). Setelah itu, Allah SWT memerintahkan umat Islam dengan kewajipan perintah berjihad dengan memerangi kaum Yahudi dan Nasrani tersebut (surah *al-Tawbah*, 9: 29; surah *al-Tawbah*, 9: 24; al-Bukhari, 2001: 4566). Selain itu,

umat Islam diperintahkan untuk bersolat dan mengeluarkan zakat dalam rangka mereka menghadapi kedua-dua kaum ini (surah *al-Baqarah*, 2: 104-110). Tujuan suruhan ibadat ini agar umat Islam menyibukkan diri mereka dengan perkara yang lebih penting untuk hari kiamat berbanding dengan balasan azab yang dijanjikan kepada kedua-dua kaum ini (Surah *Gafir*, 40: 52).

## RUMUSAN

Perbincangan tafsir yang dibincangkan menfokuskan kepada beberapa perkara penting, iaitu tentang adab yang ditekankan al-Quran kepada para sahabat ketika berkomunikasi dengan Rasulullah SAW ketika era perutusan wahyu. Selain itu, tafsiran juga menfokuskan kepada ingatan Allah SWT kepada umat Islam tentang orang Yahudi dan Nasrani dan apa yang perlu dilakukan kepada kedua-dua kaum ini. Akhir sekali perbincangan terfokus kepada nasikh dan mansukh serta persoalannya. Perbincangan tafsiran menghasilkan lima pengajaran utama sebagai yang dibincangkan secara terperinci.

## RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shu'aib al-Arnut & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bazzar, Ahmad. 2009. *Musnad al-Bazzar*. Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa'ad, 'Adil, & Sabri al-Shafi'i 'Abd al-Khaliq (Ed.). Jld. 1-18. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa*

- Ayyamihī – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Harith, Ibn Abi Usamah. 1992. *Bughyat al-Bahith ‘an Zawa’id Musnad al-Harith*. Hussain Ahmad Salih al-Bakiri (Ed.). Al-Madinah al-Munawwarah: Markaz Khidmat al-Sunnah wa al-Sirah al-Nabawiyah.
- Al-Ruyani, Abu Bakr Muhammad. 1995. *Musnad al-Ruyani*. Ayman ‘Ali Abu Yamani (Ed.). Jld. 1-2. Al-Qahirah: Mu’assasah Qurtubah.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1994. *Al-Mu’jam al-Kabir*. Hamdi ‘Abd al-Majid al-Salafi (Ed.). Jld. 1-25. Al-Qahirah: Maktabah bin al-Taymiyyah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1995. *Al-Mu’jam al-Ausat*. ‘Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasini Tariq bin ‘Audullah bin Muhammad (Ed.). Jld. 1-10. Al-Qahirah: Dar al-Harmain.
- Al-Tirmidhi, Muhammad ‘Isa. 1998. *Al-Jami’ al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashar ‘Awad Ma’ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn ‘Abbas, Abdullah ‘Abbas. t.th. *Tanwir al-Mikbas Min Tafsir Ibnu ‘Abbas*. Mujd al-Din Abu Tahir Muhammad bin Ya’kub (Ed.). Lubnan: Dar al-Kutub ‘Imiyah.
- Ibn Abi Hatim, ‘Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-‘Azim li bin Abi Hatim*. As’ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-‘Arabiyah al-Sa’udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A’zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.

- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Bani Israil dan Ilmu Sihir serta Kisah Harut dan Marut: Surah al-Baqarah (2: 99-103)*. Kertas Kerja dalam Siri 21: Program Budaya al-Quran, 7hb. Mac 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Bani Israil dan Peristiwa Sembelihan Lembu: Surah al-Baqarah (2: 67-74)*. Kertas Kerja dalam Siri 16: Program Budaya al-Quran, 17 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019c. *Beradab kepada Nabi Muhammad SAW: Surah al-Baqarah (2: 104-110)*. Kertas Kerja dalam Siri 22: Program Budaya al-Quran, 28hb Mac 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Bani Israil dan Ilmu Sihir serta kisah Harut dan Marut: Surah al-Baqarah (2: 102-103)*. Jld. 18. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Beradab kepada Nabi Muhammad SAW: Surah al-Baqarah (2: 104-110)*. Jld. 19. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

## INDEKS

- Abu Dawud*, 8  
 Ahli kitab, 2, 5, 13, 42, 44  
*Ahmad*, 8, 21  
*al-A'raf*, 27  
*al-Baqarah*, 3, 4, 5, 7, 9, 10, 13, 14, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 26, 28, 29, 34, 35, 36, 37, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 46, 47, 49, 50, 51, 55, 56, 58, 59, 62, 63, 64, 65  
*Al-Bazzar*, 34  
*Al-Bukhari*, 7, 16, 22, 30, 31, 49, 61, 63  
*Al-Harith*, 39  
*Ali 'Imran*, 27, 28, 32, 47, 57, 62, 63, 64  
 Allah SWT, 1, 4, 5, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 18, 19, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 28, 29, 33, 35, 36, 37, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 47, 49, 50, 51, 52, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 61, 62, 63, 64, 65, 66  
*al-Ma'idah*, 29, 32, 56, 57  
*al-Nisa'*, 6, 11, 36, 38, 53, 54, 55, 56  
 al-Quran, 1, 3, 9, 14, 15, 16, 19, 20, 25, 28, 29, 30, 34, 45, 58, 60, 61, 62, 63, 66, 72  
*Al-Ruyani*, 33  
*Al-Tabrani*, 18  
*al-Tawbah*, 47, 48, 63, 65  
*Al-Tirmidhi*, 32  
 Bani Israil, 1, 25, 27, 28, 34, 37, 40, 41, 55, 56, 57, 62  
*Gafir*, 50, 65  
*Ibn Abi Hatim*, 9, 19, 37, 38, 40, 43, 44, 45  
*Ibn Jarir*, 20, 37, 38, 40, 43, 58  
*Ibn Majah*, 16, 32, 61  
*Ibrahim*, 26, 41, 56, 62  
 Islam, 1, 4, 6, 7, 9, 10, 11, 41, 43, 49, 52, 53, 54, 55, 57, 58, 62, 63, 64, 66, 72  
*Muslim*, 7, 12, 16, 28, 30, 31, 33, 38, 61, 64, 72  
 Nabi Muhammad, 1, 2, 4, 6, 7, 10, 11, 13, 25, 26, 28, 35, 41, 42, 44, 46, 56, 57, 59, 61, 62, 63, 64  
 Nabi Muhammad SAW, 1, 3, 13, 25, 26, 28, 35, 41, 42, 44, 56, 57, 59, 61, 62, 63, 64  
 Nabi Sulaiman AS, 1  
 sihir, 1

Yahudi, 1, 3, 4, 5, 6, 7, 10, 11,  
24, 25, 27, 36, 42, 43, 44,

47, 52, 53, 54, 55, 56, 63,  
64, 65, 66

## BIODATA PENULIS

**Kamarul Azmi bin Jasmi** menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti buku, sumbangan bab dalam buku, jurnal serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah buku karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak* (2011), *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran* (2011), *Dasar Akidah Muslim* (2011), *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran* (2012), *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016), *Perspektif Baharu dalam Pengkaedahan Pendidikan Akidah di Malaysia* (2019), *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi* (2021) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM serta *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran* (2016) dan *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan* (2019) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Siri Buku Tafsir Sempena Budaya al-Quran**  
**Siri 19**  
**Beradab kepada Nabi Muhammad SAW**  
**Surah *al-Baqarah* (2: 104-110)**

*Beradab kepada Nabi Muhammad SAW, Surah al-Baqarah (2: 104-110), Siri 19* merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Adab berkomunikasi sahabat dan beberapa perkara yang boleh dan tidak para sahabat lakukan terhadap Nabi Muhammad SAW ketika era penurunan wahyu. Namun, *nasikh* dan *mansukh* menjadi perkara penting yang membongkarkan kebenaran Islam dan kesesatan kepercayaan Yahudi dan nasrani. Buku ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 104-110) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat lima aspek pengajaran yang boleh diambil oleh umat Islam dan umat manusia, iaitu adab berkata-kata sahabat dengan Rasulullah SAW, adab tidak meminta dan mempersoalkan hukum hakam yang difardukan oleh Islam, nasakh dan persoalan, larangan menyerupai orang kafir dalam bentuk perbuatan, percakapan, dan amalan, serta ingatan Allah SWT kepada umat Islam terhadap Yahudi berkaitan dengan agama Islam.



ISBN 978-967-2171-87-4



9 789672 171874